


**Jilid 1
Bil. 35**



**Hari Selasa
1hb April, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3645]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3700]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan) [Ruangan 3701]

Rang Undang-undang Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) [Ruangan 3706]

Rang Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan) [Ruangan 3731]

UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN:

Teksi dan Perlindungan Insuran [Ruangan 3754]

Jeti di Melaka [Ruangan 3757]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 1hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIEF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat TUN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Silam).
- „ TUN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUN SANUSI BIN JUNID (Jerei).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- „ TUN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kempas).
- „ TUN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suher bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

BANK NEGARA MALAYSIA— TANGGUNGJAWAB

1. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan samada menjadi satu tanggungjawab mutlak kepada Bank Negara untuk memerhatikan penubuhan sebarang bank dan mengetahui akan kedudukan kewangannya di dalam Malaysia supaya segala pengurusan sentiasa di dalam pengetahuan dan pengawasan Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menetapkan yang Bank Negara Malaysia bertanggungjawab memerhatikan pengurusan bank perdagangan di negeri ini mengikut Akta Ordinan Bank Pusat Malaysia, 1958 dan Akta Bank, 1973.

Bank Negara Malaysia juga ialah menjadi bank dan Penasihat Kewangan kepada Kerajaan melalui Menteri Kewangan yang menjadi kuasa mengeluarkan lesen mengenai perjalanan bank.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berpuas hati dengan cara-cara pengawasan yang dibuat terhadap bank-bank yang ada dalam negara ini dengan cara pengurusan mereka yang tidak menurut asas kemahuan pertumbuhan ekonomi negara, jika ada?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi, Bank Negara Malaysia adalah berkuasa untuk mengawal dan mengawasi perniagaan bank-bank di sini, dan jika sekiranya ada kes-kes yang tertentu di mana bank-bank perdagangan ini melanggar Undang-undang ataupun peraturan-peraturan, Bank Negara Malaysia ada kuasa membetulkan kedudukan bank itu.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma bertanya adakah Kerajaan berpuas hati terhadap cara pengawasan itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, di keseluruhannya Kerajaan adalah berpuas hati dengan aktiviti-aktiviti bank perdagangan di sini.

DUIT SYILING—PENGELUARAN

2. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kepada kekurangan wang syiling di negara ini sekarang, adakah Kementerian ini akan menyiasat mengenai perkara tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi kehendak yang bertambah, Bank Negara telah menambahkan pengeluaran duit syiling. Bank Negara akan terus mengeluarkan duit syiling mengikut kadar yang bertambah untuk menentukan duit syiling adalah mencukupi kegunaan biasa ekonomi kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedar bahawa sungguhpun Bank Negara Malaysia ada mengambil langkah untuk menambahkan duit syiling setelah berlaku kekurangan duit syiling di negara kita, tetapi sampai hari ini di negara kita duit syiling masih lagi sangat kekurangan, baik dalam negeri Melaka, Johor dan lain-lain negeri, dan terpaksa menggunakan duit syiling Singapura. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah langkah akan diambil untuk memastikan bahawa duit syiling mencukupi?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa didapati ada di tempat-tempat yang tertentu kekurangan duit syiling dari semasa ke semasa. Tetapi jikalau Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh beritahu kepada saya ataupun Bank Negara di mana satu kawasan yang tertentu tidak ada duit syiling ataupun ada kekurangan duit syiling, saya dan Bank Negara akan mengambil langkah untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yang Berhormat Menteri pergi di mana-mana tempat di Johor atau Melaka, beliau akan dapat tahu bahawa orang ramai menggunakan duit syiling luar negeri, dan itu bukti menunjukkan bahawa ada kekurangan duit syiling Malaysia. Saya harap itu boleh memberi cukup bukti-bukti untuk tindakan diambil.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Saya akan mengambil perhatian atas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

PEKERJA-PEKERJA JATUH BANKRAP

3. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

- (a) bilangan kakitangan (i) Kerajaan; (ii) badan-badan berkanun; dan (iii) swasta yang jatuh bankrap akibat meminjam wang daripada peminjam-peminjam wang dari tahun 1970 hingga 1974; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa ramai kakitangan Kerajaan menjadi mangsa peminjam-peminjam wang dengan cara mereka menandatangani surat piutang yang menunjukkan angka dua kali ganda lebih besar daripada pinjaman mereka yang sebenar, dan jika ya, mengapakah undang-undang tidak dibuat dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan mengharamkan peminjam-peminjam wang meminjamkan wang kepada kakitangan Kerajaan atau menarik balik lesen-lesen mereka.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pekerja-pekerja yang jatuh bankrap dari tahun 1970 hingga 1974 adalah seperti berikut:

	1970	1971	1972	1973	1974	Jumlah
Kakitangan Kerajaan	80	73	56	44	36	289
Pekerja Swasta	57	40	52	57	73	279
Jumlah ..	137	113	108	101	109	568

Perkataan "Kakitangan Kerajaan" itu termasuk kakitangan badan-badan berkanun; tidak ada angka yang berasingan yang disimpan atau disediakan bagi sesuatu golongan di pejabat itu. Berhutang dari peminjam-peminjam wang adalah sebab-sebab yang lazimnya berlaku bagi kakitangan Kerajaan dan badan-badan berkanun jatuh bankrap.

- (b) Banyak ada tuduhan-tuduhan mengatakan yang sebilangan besar daripada kakitangan Kerajaan menjadi mangsa si peminjam-peminjam wang di mana mereka dikenakan menandatangani

surat piutang bagi angka yang lebih daripada apa yang sebenarnya dipinjamnya tetapi disebabkan ketiadaan bukti yang cukup tidak ada lesen selama ini ditarik balik dengan sebab itu. Walau bagaimanapun, penyiasatan telah dijalankan dan di mana keadaan memerlukan lesen-lesen mereka telah digantung.

Di dalam Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) (Perintah-perintah Am, Bab "D") 1969, Perintah Am 9 (1) ada menyatakan seseorang pegawai itu adalah ditegah meminjam daripada peminjam-peminjam wang yang berlesen. Untuk membuat undang-undang mengharamkan peminjam-peminjam wang meminjamkan wang kepada kakitangan Kerajaan adalah satu soalan samada Undang-undang itu sangat-sangat diperlukan. Kalau kita bandingkan kakitangan Kerajaan dengan swasta yang masuk bankrap tahun 1974 ialah cuma 36 orang padahal kakitangan Kerajaan ada 100,000 orang dan mereka itu pula telah dilarang meminjam wang kepada mereka itu. Pada pendapat saya memandangkan angka yang begitu kecil, tidak mustahaklah kita mengadakan undang-undang itu sebab sudah ada perlindungan daripada Peraturan-peraturan Am itu.

Seksyen 28 Ordinan Peminjam Wang, 1951, membekalkan iaitu seseorang peminjam wang boleh didakwa jika tiada menyebutkan berapa angkanya dalam surat piutang itu ataupun tiada menyebutkan angka yang sebenarnya. Apabila seseorang peminjam wang telah didapati bersalah bagi sesuatu kesalahan di bawah Ordinance Peminjam Wang, 1951 Mahkamah boleh, di bawah Seksyen 10, mengeluarkan hukuman supaya menggantung ataupun merampas lesen mereka itu.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan adakah Kerajaan mempunyai satu rancangan untuk menolong mangsa-mangsa sipeminjam wang ini? Umpamanya, orang yang meminjam wang, kakitangan Kerajaan saya maksudkan dinasihatkan mereka boleh meminjam wang daripada co-operative societies, atau kalau

sipeminjam wang itu faedahnya atau bunganya lebih daripada 12 peratus, orang yang meminjam wang itu boleh melapurkan kepada pihak yang berkuasa.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Kerajaan bukanlah orang yang bodoh macam orang kampung. Dia tahu tempat-tempat hendak meminjam macam co-operative society dan lain-lain, tetapi mereka sudah meminjam di tempat-tempat itu semua. Akhirnya hendak berjudi juga, berjempalah kepada sipeminjam wang yang tidak berlesen. Jadi tiga kali ganda pun disain juga.

BUKU-BUKU TEKS—KEKURANGAN

4. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Pelajaran Sarawak untuk mengatasi:

- (a) kekurangan buku-buku teks di sekolah-sekolah Sarawak;
- (b) masalah kekurangan kemudahan-kemudahan asrama di sekolah rendah menengah daerah luar bandar di Sarawak seperti di Bintulu di mana hanya terdapat sebuah sekolah rendah menengah bagi memenuhi keperluan suatu daerah yang lebih besar daripada Negeri Melaka dan terdapat tiga orang murid berkongsi sebuah katil yang di-untukkan bagi dua orang murid dan setengahnya pula terpaksa tidur di atas lantai, dan kemudian tandas yang tidak mencukupi; dan
- (c) kekurangan guru-guru Bahasa.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak ada kekurangan buku teks yang sebenarnya di pasaran hari ini. Akan tetapi, disebabkan oleh beberapa hal seperti kelambatan tibanya buku-buku teks yang dipesan, buku-buku teks lambat dibahagi-bahagikan oleh kerana masalah pengangkutan, beberapa buku teks tidak ada di dalam simpanan atau sedang dicetak, dan lain-lain sebab lagi, maka terdapat murid-murid sekolah rendah dan menengah yang lambat mendapat buku teks. Walau bagaimanapun, pada ketika ini hampir kesemua murid-murid di Sarawak telahpun memperoleh buku-buku teks

mereka. Kementerian Pelajaran sedang merancang supaya kelambatan ini tidak berulang lagi pada tahun-tahun akan datang.

- (b) Ahli Yang Berhormat dari Bintulu/Kemena tentu setuju bahawa dengan pemansuhan Peperiksaan Pilihan Masuk Sekolah Menengah di Sarawak semenjak tahun 1974, kesukaran/masalah tempat tinggal telah timbul di beberapa tempat (baik bandar atau luar bandar) disebabkan oleh pesatnya kemasukan murid-murid ke sekolah-sekolah menengah.

Akan tetapi langkah sedang diambil oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak untuk memenuhi keperluan bilik darjah/pengajaran tambahan dan kemudahan kemudahan asrama. Ini termasuklah:

- (i) Mengkaji kemungkinan membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah baru dan sambungan kepada sekolah-sekolah yang sedia ada dan menambahkan lagi kemudahan tempat tinggal.
- (ii) Mengadakan kelas-kelas pagi dan petang di sekolah-sekolah berasrama di bandar dan luar bandar. Sekolah-sekolah di luar bandar rancangan mengadakan katil dua tingkat di asrama-asrama dan membina asrama tambahan atau asrama sementara di sekolah berasrama adalah dilaksanakan dimana perlu.
- (iii) Memulakan sekolah-sekolah di bangunan-bangunan sementara. Jika sekolah-sekolah ini ada di luar bandar, kemudahan asrama sementara adalah disediakan.
- (c) Langkah-langkah berikut telah dan sedang diambil untuk mengatasi kekurangan guru-guru Bahasa di Sarawak:
 - (i) Menghantar lebih ramai lagi guru-guru Bahasa dari Semenanjung Malaysia untuk berkhidmat di Sarawak.
 - (ii) Menjalankan kursus latihan guru yang biasa selama 2 tahun dalam bahasa pengantar Bahasa Malaysia di Maktab Perguruan Batu Lintang dan Maktab Perguruan Rejang. Pelatih-pelatih dari kelas-

kelas atau aliran Bahasa ini akan boleh mengajar dalam Bahasa Malaysia apabila lulus kelak.

- (iii) Mengadakan kursus latihan Bahasa Malaysia untuk guru-guru yang sedang berkhidmat untuk menambah kecekapan mereka mengajar dalam Bahasa Malaysia.
- (iv) Pertukaran sementara pensyarah-pensyarah Bahasa Malaysia atau "pakar" untuk berkhidmat di Maktab Perguruan di Sarawak. 4 orang pensyarah seperti itu sedang mengajar kelas-kelas yang bahasa pengantarnya Bahasa Malaysia di Maktab Perguruan di Sarawak.

ANGKATAN TENTERA/POLIS SINGAPURA—BELIA/BELIAWANIS LETAK JAWATAN

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan belia-belie dan beliawanis-beliawanis Malaysia yang telah meletakkan jawatan ataupun meninggalkan Angkatan Tentera atau Polis di Singapura berikutan dengan seruan-seruan Kerajaan Malaysia pada tahun 1972 dan 1973 supaya pulang ke tanahair bersampingan dengan kenyataan bahawa rakyat Malaysia yang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera atau Polis Negara asing adalah tidak taat dan ada kemungkinan kewarganegaraan mereka ditarik balik;
- (b) samada beliau sedar bahawa bilangan besar daripada mereka masih menganggur selepas kembali ke tanahair selama satu atau dua tahun dan nyatakan apakah bantuan yang telah diutuskan oleh Kementerian beliau kepada golongan belia-belie dan beliawanis-beliawanis Malaysia ini supaya dapat pekerjaan; dan
- (c) samada beliau akan menubuhkan sebuah yunit khas di dalam Kementerian beliau untuk mendaftar penganggur-penganggur Malaysia kategori ini untuk menentukan betapa serious perkara tersebut dan menyusun satu rancangan khas untuk mereka mendapatkan pekerjaan samada dalam industri-industri atau badan-badan kerajaan ataupun

memberikan mereka tanah di dalam FELDA atau rancangan-rancangan tanah Kerajaan yang lain.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya tiada mengetahui dengan tepat akan bilangan orang-orang Malaysia yang telah meletakkan jawatan dari Angkatan Tentera atau Polis di Singapura oleh kerana tidak semua daripada mereka melapurkan diri di Kementerian saya dan dengan itu mungkin ramai daripada mereka telah mendapat pekerjaan dengan sendiri.
- (b) Seseorang rakyat Malaysia yang mencari pekerjaan boleh mendaftarkan dirinya di mana-mana Pejabat Pekerjaan di Kementerian saya. Oleh yang demikian, para belia dan beliawanis Malaysia yang kembali dari Singapura boleh mencari pekerjaan melalui Perkhidmatan Pekerjaan dengan tiada sebarang perbezaan dari penduduk-penduduk di Malaysia.
- (c) Kementerian saya tidak berniat menubuhkan sebuah yunit khas untuk mendaftar pekerja-pekerja dari kategori ini. Apabila mereka mendaftarkan diri mereka untuk pekerjaan bersama-sama dengan lain-lain rakyat Malaysia yang tinggal di negeri ini, mereka juga akan dihantar untuk pekerjaan-pekerjaan yang sesuai sama seperti calon-calon yang lain, disebabkan saya berpendapat bahawa mereka tidak sepatutnya mendapat sebarang keutamaan istimewa dari lain-lain pendaftar kerja. Mereka juga boleh memohon untuk memasuki rancangan-rancangan di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya terperanjat dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kategori-kategori orang ini tidak boleh diberi keutamaan dalam perkara menempatkan atau membahagikan pekerjaan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kategori-kategori orang tersebut meninggalkan atau mengosongkan, melepaskan kerja-kerja yang tetap, kerja-kerja yang boleh mendapat gaji untuk mencari makan; balik ke tanahair kita

untuk response atau menjawab satu seruan pemimpin-pemimpin Kerajaan. Dan ini tentulah menunjukkan yang mereka taat-setia kepada negara ini apabila pemimpin-pemimpin menyeru mereka balik. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju bahawa untuk menunjukkan dan menghargai pengorbanan mereka bahawa mereka mesti dibantu dan tidak dilupakan dan tertinggal dalam pengangguran, dan bukan sahaja semacam dahulu tidak boleh menolong keluarga mereka, tetapi menjadi satu bebanan kepada keluarga mereka?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya sudahpun menjawab soalan itu bila saya berkata bahawa Kementerian saya tidak mengetahui dengan tepat bilangan orang-orang Malaysia dan juga saya sudahpun menjawab bahawa Kementerian akan menolong mereka ini melalui Pejabat-pejabat Pendaftaran untuk mencari pekerjaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya dapat tahu bahawa orang-orang dalam kategori ini ada mendaftar dalam Pejabat Buruh (Employment Exchange), tetapi tidak dapat pekerjaan selepas satu tahun atau dua tahun dahulu seperti yang tertulis dalam soalan saya dan saya ada kes-kes yang specific, yang boleh menunjukkan bahawa mereka tidak dapat bantuan dan pekerjaan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan dengan jelas oleh kerana perkara ini sangat pahit, sangat besar kepada orang-orang yang telah balik daripada Singapura dan mereka yang balik daripada Singapura yang berkhidmat di sana dalam angkatan tentera atau polis kebanyakannya lari daripada perkhidmatan Polis dan tentera dan menjadi deserters oleh kerana mereka mahu balik ke negara kita? Dengan sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat membuat satu kajian yang baharu untuk memberi keutamaan kepada mereka oleh kerana atas sebab-sebab yang mustahak dan berbeza selain daripada orang-orang yang biasa?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bukan memberi pekerjaan kepada orang-orang yang mencari pekerjaan, tetapi melalui Pejabat Pendaftarannya akan menolong orang-orang yang mencari pekerjaan, tetapi walau bagaimanapun Kementerian saya akan mengambil perhatian.

KEJATUHAN HARGA BARANG-BARANG

6. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan kepada kekurangan perdagangan luar yang disebabkan oleh pengurangan (slow-down) yang berterusan ke atas perkembangan negara-negara perusahaan yang terbesar serta keadaan inflasi yang dibawa dari luar dan akibat buruk daripadanya atas keperluan pengedaran barang-barang dan kejatuhan harga barang-barang yang diekspot apakah tindakan pembetulan yang akan diambil untuk mengatasi masalah itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya mengikut perangkaan perdagangan yang terbaharu pada keseluruhannya perdagangan luar negeri Malaysia telah melebihi \$350.5 juta bagi tahun 1974. Semenjak tahun 1957 Malaysia mengalami kelebihan (surplus) perdagangan dan untuk mengekalkan keadaan ini dan memandangkan kepada beberapa faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam pertanyaan itu sebagai inflasi, kemerosotan ekonomi dunia, tindakan-tindakan perlu seterusnya diambil untuk menjamin supaya kedudukan perdagangan Malaysia adalah akan mengalami ataupun memperoleh kelebihan dari segi perdagangan. Untuk mengekalkan keadaan ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah sentiasa menjalankan usaha-usaha di dalam bidang penggalakan ekspot. Di antara langkah-langkah penggalakan ekspot yang diambil oleh Kementerian dalam tahun 1974 dan sekarang ini ialah terutamanya mengadakan peraturan di bawah Undang-undang Perniagaan yang akan diisytiharkan atau disebarkan tidak lama lagi, memberitahu kepada pihak-pihak yang menjalankan perusahaan pengeksport di atas galakan-galakan tambahan (additional incentive) yang akan dibahagikan kepada pihak-pihak yang mengeksport ataupun menjual barang-barang pengeluaran negara ke luar negeri.

Selain daripada itu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan menggiatkan lagi penyertaan di dalam pameran-pameran perdagangan (trade fairs) dan pertunjukan-pertunjukan (exhibitions) di

tempat-tempat yang dijangkakan, difikirkan perlu diadakan pertunjukan-pertunjukan (exhibitions):

- (i) 23hb April-6hb Mei diadakan satu pameran Perdagangan Antarabangsa di Osaka, Jepun, di mana pihak kita akan mengambil bahagian.
- (ii) Satu Pusat Pertunjukan Pengeluaran ASEAN, Bangkok akan diadakan ataupun masih diadakan, yang akan dijalankan seterusnya selama dua tahun, di mana juga kita adalah mengambil bahagian.
- (iii) P a m i r a n Autumn Antarabangsa Zagreb, Yugoslavia, 12hb-22hb September di mana kita juga akan mengambil bahagian.
- (iv) Pertunjukan Perdagangan Antarabangsa, Manila, 1hb-31hb Oktober, yang mana kita akan mengambil bahagian di dalamnya.

Kita juga akan menghantar rombongan-rombongan perdagangan berikut ke luar negeri:

- (i) Rombongan Ekonomi ke Saudi Arabia dan Pakistan, 25hb Mac-7hb April.
- (ii) Menghantar satu rombongan Pasaran Kelapa Sawit Malaysia ke Pakistan, 23hb-24hb April.
- (iii) Satu rombongan Perdagangan Am Malaysia ke Australia dan New Zealand, akan dihantar pada 11hb Mei dan akan berada di sana hingga 2hb Jun.
- (iv) Satu rombongan Perdagangan Malaysia ke Asia Barat dan Iran, yang akan berlepas pada 24hb Oktober dan akan berada di sana hingga 8hb November.

Selain daripada yang tersebut di atas, di dalam 3 bulan yang pertama tahun 1975, Kementerian telah mengambil bahagian di dalam 2 pameran perdagangan antarabangsa yang lain, iaitu:

- (i) P a m i r a n Perdagangan Frankfurt Antarabangsa, 23hb-27hb Februari.
- (ii) Pameran Antarabangsa Saudi Arabia dan Pameran Perindustrian, 6hb-28hb Mac.

Tindakan telah juga diambil untuk menguatkan perwakilan perdagangan Malaysia di luar negeri dengan menubuhkan Pejabat-

pejabat Perdagangan baru di Saigon, Jeddah, Kuwait dan di Toronto dalam tahun 1974. Saya suka memastikan Ahli Yang Berhormat bahawa tempoh aktiviti-aktiviti tersebut akan diteruskan, ataupun akan dipercepatkan dalam tahun 1975 dan juga pada tahun-tahun hadapan.

Di dalam bidang domestik dalam negara langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan pergantungan Malaysia ke atas impot, terutamanya pengimpotan barang-barang makanan yang berjumlah 15% daripada nilai impot tiap-tiap tahun. Untuk tujuan ini dan untuk mencegah kadar inflasi, Kerajaan telah melancarkan Rancangan Buku Hijau untuk menambahkan pengeluaran barang-barang makanan domestik.

TALIPON DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH SAINS BERASRAMA

7. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ada beberapa buah Sekolah Menengah Sains berasrama di Semenanjung Malaysia tidak mempunyai talipon dan dengan itu menambahkan lagi kesulitan ibu-bapa dan pihak pentadbiran sekolah membuat perhubungan dalam masa kecemasan; jika sedar nyatakan nama-nama sekolah Menengah berasrama yang tidak mempunyai talipon dan bilakah talipon-talipon akan dipasang di tiap-tiap sekolah tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa memang masih ada lagi sekolah-sekolah menengah Sains di Semenanjung Malaysia yang belum lagi mempunyai talipon. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- (i) Sekolah Menengah Sains Perlis.
- (ii) Sekolah Menengah Sains Trengganu.
- (iii) Sekolah Menengah Sains Selangor.

Kelambatan memasang talipon di sekolah-sekolah tersebut adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (i) tiada alat;
- (ii) sekolah-sekolah tersebut terletak jauh dari bahagian yang paling dekat dengan pesawat talipon.

Walau bagaimanapun bagi sekolah menengah sains Perlis tindakan sedang diambil

oleh Jabatan Talikom Kedah/Perlis untuk memasang talipon di sekolah tersebut tidak berapa lama lagi. Pihak sekolah telah membayar wang cagaran bagi pemasangan talipon tersebut. Pemasangan talipon di dua buah sekolah lagi menengah sains akan terus diusahakan.

BAJA CAMPURAN ELAKKAN PENYAKIT BUSUK PANGKAL

8. Tuan Patrick Anek Uren minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar bahawa campuran tidak betul unsur-unsur dalam membuat baja campuran menyebabkan reaksi kimia dalam tanah yang mana boleh menjadi merbahaya kepada pokok lada hitam, dan juga mengeluarkan hasil yang kurang, jika ya, bolehkah Kerajaan melantik ahli-ahli kimia untuk memeriksa semua kilang mencampur dan memproses untuk menentukan campuran betul unsur-unsur dalam baja-baja campuran untuk mengelakkan penyakit busuk pangkal bagi pokok-pokok lada hitam.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, penyakit busuk pangkal yang menyerang pokok lada hitam adalah disebabkan sejenis cendawan ataupun fungus. Cadangan supaya Ahli-ahli Kimia untuk menyiasat kilang-kilang mengeluarkan baja campuran itu akan dipertimbangkan.

KESESAKAN JALANRAYA DI KUALA LUMPUR

9. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar tentang kesesakan lalu lintas di dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan di sepanjang Federal Highway oleh kerana kenderaan berat seperti lori-lori balak, lori-lori tanker dan lain-lain menggunakan jalan-jalan tersebut semasa waktu orang-orang sebok pergi kerja di antara pukul 7.30 pagi hingga 9.00 pagi dan jika ya, adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu peraturan atau Rang Undang-undang yang menghalang lori-lori tersebut dari menggunakan jalan-jalan tersebut pada waktu yang dinyatakan di atas, jika tidak, mengapa.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan

Yang di-Pertua, saya sedar keadaan kesesakan jalanraya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan sukacita menyatakan di sini bahawa Dewan Bandaraya telah pun mengambil tindakan mengadakan undang-undang bagi mengatasi masalah tersebut. Undang-undang tersebut yang telah diperbuat pada 30hb November, 1972 telah diwartakan, melalui P.U. (A) 380 dinamakan Perintah (Kereta Berjalan Lambat) (Sekatan Penggunaan Jalan) Kuala Lumpur 1974. Antara lain, Undang-undang tersebut menghadkan perjalanan-perjalanan lori-lori, lori-lori tangki, lori-lori balak, trekter, jengkaut pengalih tanah, bulldozer, kereta lembu dan mana-mana kenderaan yang melebihi 216 CWT menggunakan beberapa batang jalanraya yang sebok dalam Bandaraya Kuala Lumpur pada waktu-waktu yang tertentu iaitu sebelah paginya di antara 7.30 pagi hingga 9.00 pagi dan di sebelah petang pula di antara 3.45 petang hingga 5.15 petang.

Tujuan undang-undang ini adalah untuk memberi perjalanan yang licin bagi kenderaan-kenderaan di waktu sebok terutamanya di waktu orang-orang pergi balik dari kerja.

PASUKAN KAWALAN KAMPUNG

10. Datuk Stephen Yong Kuet Tze minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah permohonan-permohonan hendak menubuhkan Pasukan-pasukan Kawalan Kampung dari peladang-peladang China di Lundu, Pantu dan dari kampung-kampung baru tidak diluluskan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada permohonan-permohonan untuk menubuhkan Yunit RELA diterima daripada peladang-peladang China di Lundu, Pantu dan kampung-kampung baru yang berdekatan. Suka saya maklumkan di sini penubuhan yunit RELA bukanlah bergantung kepada bilangan penduduk satu-satu kaum tetapi adalah kepentingan-kepentingan keselamatan. Sebelum satu yunit itu ditubuhkan, Jawatankuasa Keselamatan Daerah dan Negeri adalah dirundingkan terlebih dahulu mengenai keperluannya.

Untuk makluman, kawasan-kawasan berikut yang mempunyai bilangan penduduk-penduduk China di Sarawak telah ditubuhkan Yunit RELA.

Kawasan Beratok ...	4 Yunit mengandungi 40 orang anggota China.
Kawasan Tapa ...	12 Yunit mengandungi 119 orang anggota China dan seorang anggota Dayak.
Kawasan Sempadi ...	5 Yunit mengandungi anggota dari orang-orang China dan lain-lain kaum.

Lain-lain kawasan di mana orang kaum China dan kaum-kaum lain menganggotai pasukan RELA ialah Rombongan Sematan, Muara Tebas dan Sibu.

Bagi kawasan-kawasan lain kebanyakan peladang China duduk bertaburan dan adalah tidak wajar menubuhkan pasukan RELA atas sebab-sebab keselamatan diri mereka sendiri. Oleh kerana mereka senang menjadi sasaran musuh. Selain daripada itu ada juga kawasan-kawasan orang China yang enggan menyambut seruan menubuhkan pasukan RELA walaupun pihak RELA Sarawak berkali-kali cuba hendak menubuhkannya.

BANTUAN WANG KEPADA MURID-MURID MISKIN

11. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Kebajikan Am menyatakan setakat manakah ujud kerjasama yang rapat di antara Kementerian beliau dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam melaksanakan pemberian bantuan wang dan lain-lain kepada murid-murid miskin.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa bekalan buku-buku teks kepada murid-murid miskin adalah sekarang ini tanggungjawab Kementerian Pelajaran. Pemberian bantuan wang dan lain-lain bantuan untuk murid-murid yang berkeperluan adalah tanggungjawab Negeri-negeri. Kementerian saya tidak mempunyai peruntukan bagi rancangan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebajikan Am bekerjasama dengan rapinya dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam bentuk menentukan garis-garis panduan dan juga mengadakan Pegawai-pegawai Persekutuan untuk melaksanakan tanggungjawab ini.

PEMBUANGAN PEKERJA-PEKERJA—BADAN PETUGAS

12. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada Kementerian akan menubuhkan sebuah yunit khas untuk membuat peraturan dan mengawal semua rancangan-rancangan pembangunan kerja di negara ini;
- (b) samada Kerajaan akan menimbang mengadakan satu undang-undang bagi membuat peraturan dan menetapkan bayaran gaji buang kerja yang minima untuk pekerja-pekerja yang dibuang kerja; dan
- (c) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa majikan tidak akan menggunakan "recession" sebagai alasan untuk membuang pekerja-pekerja.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah menubuhkan satu Badan Petugas di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk meneliti pembuangan pekerja-pekerja yang akan berlaku kelak di mana-mana perusahaan atau indasteri dengan harapan dapat menyelidik dan mencadangkan cara-cara lain untuk menjauhkan dan mengurangkannya.
- (b) Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah membuat kenyataan akhbar baru-baru ini bahawa beliau sedang menimbangkan untuk memperkenalkan undang-undang bagi pembayaran gaji pembuangan kerja bagi pekerja-pekerja. Ini adalah satu perkara yang amat rumit yang mana memerlukan pengkajian serta penyiasatan yang mendalam.
- (c) Beberapa perbincangan telah diadakan di antara Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan majikan-majikan untuk mengkaji pembuangan kerja pekerja-pekerja. Badan Petugas ini juga akan mengkaji pengesahan di atas sebab-sebab pembuangan pekerja-pekerja berlaku bagi menentukan agar pemberhentian pekerja-pekerja dijalankan sebagai langkah

terakhir setelah cara-cara lain tidak diperolehi. Dengan cara ini Kerajaan bertujuan menentukan supaya resessi bukanlah sebagai puncanya pembuangan pekerja-pekerja.

STESYEN PEMANCAR B.B.C. DI JOHOR BAHRU

13. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa Kerajaan Malaysia telah memberi notis kepada Perbadanan Penyiaran British bagi menutup Stesyen Pemancar Timur Jauh yang terletak di Batu 8½, Jalan Masai, Johor Bahru;
- (b) apakah sebab-sebabnya Kerajaan Malaysia hendak menutup Stesyen Pemancar B.B.C. itu; dan
- (c) apakah peluang-peluang pekerjaan yang diberikan oleh Kerajaan kepada pekerja-pekerja B.B.C. yang akan hilang mata pencarian dengan penutupan Stesyen Pemancar itu.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail):

- (a) Adalah benar bahawa Kerajaan Malaysia telah memberi notis bagi "Determination of Licence" untuk Stesyen Pemancar Timur-Jauh (B.B.C. Far Eastern Relay Station) dalam bulan Mac, 1972 memberi notis selama 3 tahun kepada B.B.C. seperti yang tercatat dalam Licence tersebut. Tetapi selepas rayuan daripada Pesuruhjaya Tinggi British, Kerajaan Malaysia telah memutuskan melanjutkan lesen selama satu tahun lagi. Lesen ini akan habis tempohnya dalam bulan Mac, 1976.
- (b) Malaysia adalah sebuah negara merdeka dan "non-aligned" dan jika sekiranya Kerajaan Malaysia membenarkan sesuatu negara asing menjalankan sebuah stesyen pemancar di negeri ini, maka kita harus menimbang permintaan daripada lain-lain negara asing atas dasar yang sama apabila ianya dibuat. Ini boleh menimbulkan keadaan yang susah dan tidak diingini, dan juga tidak mungkin bagi kita mengawal penyiaran tersebut. Oleh yang demikian, adalah didapati tidak sesuai bagi Kerajaan Malaysia meneruskan susunan sekarang.

- (c) Pekerja-pekerja Malaysia yang sekarang bekerja dengan Stesyen Pemancar B.B.C. ini di Johor Bahru boleh ditimbangkan untuk bekerja dengan Kerajaan Malaysia.

TOPI KELEDAR KELULUSAN SIM

14. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa pemandu-pemandu motosikal dan pembonceng-pembonceng telah membeli topi-topi keledar yang tidak bertanda "SIM" beberapa tahun yang lalu tetapi sungguhpun begitu mutu topi-topi keledar itu adalah sama baik atau lebih baik daripada yang bertanda "SIM"; jika sedar, nyatakan samada beliau berniat hendak meringankan kesusahan mereka yang terlibat dengan menyediakan alat jentera di bandar-bandar yang besar untuk memeriksa mutu topi keledar yang tidak bertanda "SIM" dan jika didapati sama mutunya, tanda "SIM" itu kemudian dilekatkan kepada topi-topi itu.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menyatakan bahawa topi-topi keledar yang dibeli beberapa tahun dahulu adalah sama atau lebih baik mutunya daripada topi-topi keledar berkelulusan SIM sedangkan ianya belum lagi menjalani ujian mengikut Piawaian Malaysia.

Di dalam process ujian topi-topi keledar itu, sebanyak 5 buah topi keledar diperlukan untuk menjalani ujian-ujian yang tertentu sebagaimana yang dikehendaki oleh "Malaysian Standards for Protective Helmet for Motorcyclists". Ujian-ujian ini adalah berupa ujian yang merosakkan topi keledar itu. Ini bermakna tiap-tiap topi keledar yang telah menjalani ujian-ujian tersebut tidak boleh digunakan lagi.

Untuk mengadakan ujian-ujian topi keledar itu, sebanyak 250 buah topi-topi keledar yang sama jenisnya adalah dikumpulkan bagi tiap-tiap satu kumpulan, dan 5 buah topi keledar dari satu-satu kumpulan diambil untuk diuji. Jika 5 buah sample topi keledar itu lulus dalam ujian itu maka baki sebanyak 245 buah topi keledar itu bagi tiap-tiap kumpulan akan diberi kelulusan untuk menggunakan tanda SIM

Dengan cara pengujian tersebut maka berertilah bahawa topi-topi keledar yang diambil dari pemakai atau yang dihantarkan oleh pemakai perseorangan tidak praktikal untuk diuji sebagaimana yang dicadangkan.

BARANG-BARANG DISELUDUP KE THAILAND

15. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukur minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk mencegah perbuatan mencuri barang-barang untuk diseludupkan ke Thailand terutama sekali motosikal dan skuter yang kerap kali berlaku di Kedah Perlis dan Kelantan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sedang diambil di kawasan-kawasan sempadan Malaysia-Thai untuk mencegah pencurian barang-barang terutama sekali motosikal dan skuter bagi diseludup ke Thailand ialah:

- (1) Pemeriksaan biasa pihak polis di bahagian-bahagian rasmi masuk dan keluar.
- (2) Pemeriksaan jalan secara mengejut serta rondaan-rondaan oleh pihak polis di jalan-jalan dan lorong-lorong di hutan di mana diketahui orang motosikal dan scooter mempunyai kemudahan untuk masuk dan keluar dari Malaysia dan Thailand.
- (3) Perhubungan sentiasa rapat dengan pihak polis Thai dipelihara dan menukar maklumat berkenaan jenayah untuk tindakan polis menentang jenayah-jenayah itu.
- (4) Tindakan-tindakan polis yang merancang dan bersepakat dengan semua peringkat di kawasan sempadan bagi mencegah dan mengesan jenayah itu dengan berkesan.

DEMONSTRASI KURANG MAKANAN DAN ANTI-INFLASI

16. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tempat-tempat di mana demonstrasi-demonstrasi terhadap kekurangan makanan dan anti-inflasi diadakan di Semenanjung Malaysia pada bulan November dan Disember yang lalu; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang akan dijalankan bagi memastikan bahawa demonstrasi-demonstrasi seperti yang dinyatakan itu tidak akan berlaku di negeri Sarawak.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, demonstrasi-demonstrasi itu berlaku di Baling, Sik, Gurun, Kulim dan Selama di Kedah, di Batu Kurau, Lenggong dan Selama di Perak dan ekornya di Kuala Lumpur oleh penuntut-penuntut. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan sedang giat melaksanakan berbagai rancangan untuk meringankan tekanan inflasi dan recession.

Rancangan Buku Hijau adalah satu-satunya cara yang positif sedang diambil oleh Kerajaan dengan sambutan dan penuh sokongan oleh rakyat. Untuk mengelakkan demonstrasi tercetus di Sarawak dan di mana-mana pun rakyat mesti diberi ketenangan dengan betul supaya tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir pembohong.

DAGING NAIK HARGA

17. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa harga daging di negara kita semakin hari semakin naik; jika sedar, apakah rancangan Kementerian untuk menurunkan harga daging;
- (b) samada benar bahawa sungutan orang ramai ialah dengan tertubuhnya agensi Kerajaan yang mengelolakan hal daging maka harga daging telah melambung naik dan juga ada kalanya daging tidak mencukupi di pasar;
- (c) berapa kalikah harga daging telah dinaikkan semenjak Kerajaan mengambil-alih hal ehwal daging; dan
- (d) berapa banyakkah rancangan Kerajaan pada masa ini dalam usaha menternak binatang seperti lembu, kerbau dan kambing dan adakah Kerajaan boleh memberi jaminan bahawa dengan pemeliharaan ini daging boleh dibeli dengan harga yang rendah daripada yang ada pada hari ini oleh rakyat di negara kita pada masa hadapan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga daging lembu, kerbau dan kambing ialah disebabkan pengeluaran tempatan yang kurang dan juga keadaan inflasi yang dialami oleh dunia sekarang ini. Usaha-usaha sedang dijalankan dengan mengimpot baka-baka lembu daripada negara-negara jiran untuk dipelihara dan juga untuk disembelih di negara kita.

(b) Sungutan rakyat memang ada, tetapi tidak berasas. Adalah tidak benar bahawa Kerajaan mengelolakan harga daging pada keseluruhannya. MAJUTERNAK menjalankan perniagaan daging lembu dan kerbau hanya di Kuala Lumpur sahaja, itupun berasingan dengan pihak-pihak swasta. Kenaikan harga daging bergantung kepada bermacam-macam faktor, di antaranya ialah kekurangan pengeluaran tempatan dan keadaan inflasi.

(c) Di Kuala Lumpur harga daging telah naik empat kali semenjak bulan Oktober, 1973.

(d) Selain daripada usaha yang biasa dijalankan seperti menggalakkan pembiakan lembu, kerbau dan kambing di kalangan penternak-penternak kecil dengan cara pernianian beradas, sistem pawah dan sebagainya. Kerajaan melalui MAJUTERNAK telah membuka 8 ladang-ladang lembu, tidak ada ladang-ladang dibuka oleh MAJUTERNAK untuk memelihara kerbau dan kambing kerana difikirkan bahawa tumpuan hendaklah diberikan lebih kepada lembu.

Saya dukacita tidak dapat hendak memberi jaminan bahawa dengan rancangan-rancangan ini harga daging akan turun, kerana turun naiknya daging adalah bergantung kepada faktor termasuklah keadaan ekonomi negara seperti turun naiknya harga-harga barang yang lain juga.

TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

18. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri daripada 3hb Disember, 1974 hingga 28hb Februari, 1975 dan berapa orang daripada mereka pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah dan adakah Menteri itu sedar bahawa penahanan pelajar dan pensyarah ini adalah menyalahgunakan Akta tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, seramai 19 orang termasuk empat orang pelajar dan seorang pensyarah telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di antara 3hb Disember tahun 1974 hingga 28hb Februari tahun 1975. Langkah ini terpaksa diambil memandangkan tindakan-tindakan mereka yang mengancam keselamatan negara.

Saya suka menyedarkan Ahli Yang Berhormat, tidak sesiapa pun pelajar atau pensyarah yang mempunyai taraf istimewa terkeluar dari kuasa undang-undang yang diamalkan di negara ini. Dan saya sekali-kali tidak menerima bahawa tangkapan itu adalah satu langkah yang menyalahgunakan Akta tersebut. Umpamanya, baru-baru ini seorang pensyarah dalam tahanan telah menulis surat kepada Kerajaan berbunyi demikian—surat ini dalam bahasa Inggeris; Tuan Yang di-Pertua:

"I regret and apologise for what I have done. I pledge that in future I shall not participate in any political activity which is against the internal security and the law of the country. Instead I shall devote my time to my work as a lecturer."

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menteri yang berkenaan baca satu surat, katanya, "daripada seorang pensyarah." Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengumumkan nama pensyarah itu.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin tidak memberi nama pensyarah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar antara 4 orang pensyarah yang dikatakan dan 4 orang pelajar yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri daripada masa yang disebutkan dalam pertanyaan saya kebanyakan daripada mereka ada menuduh atau mengancam tindakan-tindakan Kerajaan yang mereka fikir perlu dituduh, umpamanya Associate Professor Syed Hussein Ali ada menuduh Kerjaan di beberapa seminar atau forum di University Malaya mahupun di luar Universiti Malaya dan oleh sebab itu mereka telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam

Negeri, bukannya itu menyalahgunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh sebab saya sendiri ada

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya Yang Berhormat hendak membuat ucapan, keterangan atau hendak membuat soalan tambahan. Jikalau soal tambahan, saya minta disebutkan.

Dr Tan Chee Khoon: Oleh sebab saya sendiri pun ada menghadiri di forum tersebut dan bagaimanakah kalau di dalam forum di Universiti mereka menuduh bahawa Kerajaan telah menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah saya terangkan bahawa mereka ini ditahan kerana mereka mengancam keselamatan dalam negeri. Kalau hanya menuduh Kerajaan, saya rasa banyak lagi orang lain yang patut kena tangkap termasuk juga Yang Berhormat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun Yang Berhormat Menteri tidak mahu memberitahu nama penulis surat yang beliau baca daripada seorang pensyarah yang kesal dan minta maaf oleh kerana tindakannya bertentangan dengan keselamatan negara, bolehkah beliau memberitahu Dewan ini samada surat itu ditulis dengan sukarela atau dalam keadaan yang terpaksa?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, di dalam bahasa Inggeris, saya resent the implication.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh impute improper motives.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak impute apa-apa motives dan tidak tahu akan keadaannya oleh kerana saya pun tidak tahu siapa orang yang menulis surat itu, sekiranya Yang Berhormat Menteri memberitahu penulis surat itu barangkali kita boleh dapat satu gambaran yang lebih terang.

Tuan Yang di-Pertua: Kata Yang Berhormat Menteri tadi dia resent pertanyaan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Beliau ada hak resent, tetapi saya rasa soalan itu sangat tepat dan saya boleh ulangi jikalau Yang Berhormat itu mahu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut tentang penahanan Associate Professor Syed Hussein

Ali. Di sini saya ada photostat copy of a statement under Section 11 (2b) of the Internal Security Act, 1960 and allegations of fact, antaranya saya hendak bacakan kepada Menteri yang berkenaan:

"On May 26th 1973 at a forum organised by the University of Malaya Socialist Club in the University of Malaya they strongly alleged that suppression, oppression and racial conflicts existed in the country were a result of feudalism colonialism practised by the Government. He again preached class struggle to the students based on Karl Marx theory vis-a-vis the struggle of man has always been a class struggle. Another clear manifestation of the attempt to instil pro-communist ideas and to arouse student sentiment against the Government".

Adakah Menteri yang berkenaan sedar kalau seorang Professor atau orang lain menggalakkan class struggle di tanahair kita, adakah perbuatan itu salah atau tidak?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bahasa yang digunakan adalah terang bahawa bahasa itu adalah bahasa yang sentiasa diterima sebagai bahasa subversive dan menunjukkan gambaran bahawa mereka itu adalah orang yang terlibat dalam soal security dalam negara ini.

Soal maksud membasmi kemiskinan, itu tidak menjadi satu perkara kepada Kerajaan, tetapi dalam menggunakan bahasa itu tergambarlah bahawa orang ini memang duduknya di dalam lengkungan orang yang dikatakan menentang keselamatan negara.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Antara lain allegations of fact on 29th June, 1974, speaking at the

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya ini sudah melarat daripada soalan asal. Tadi ditanya berapa orang, dan tidakkah Menteri fikir ini melanggar atau abuse of the Act, Menteri sudah jawab. Perkara ini sudah melarat yang berkehendakkan details yang tidak ada sangkut-paut dengan soalan yang asal. Saya tidak benarkan, kalau soalan yang lain boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa Syed Hussein Ali ada menuduh Kerajaan atas corruption yang berlaku di tanahair kita oleh sebab itu beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuduhan seperti yang saya katakan tadi umpamanya, corruption, inefficient, itu tidak pernah menjadi soal. Tetapi yang menjadi soal pada kita iaitu keselamatan negara dan Kerajaan berhak menjaga keselamatan negara.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri yang berkenaan tadi menyatakan, kalau sekiranya seorang menuduh Kerajaan atas corruption dan sebagainya, maka itu tidak menjadi soal yang mereka boleh ditahan, mengapakah ini menjadi satu allegations of fact kepada Associate Professor Syed Hussein Ali?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, allegations of fact yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah banyak: satu daripadanya ialah seperti mana yang disebutkan tadi. Tetapi yang menjadi soal, adakah orang ini menjadi satu unsur yang boleh membawa dan mengancam keselamatan negara, itu soalnya. Bukan apa yang disebutkan corruption atau sebagainya. Adakah orang ini mengancam keselamatan negara atau tidak, maka didapati oleh pihak Kerajaan bahawa orang itu mengancam keselamatan negara.

GURU-GURU

SISWAZAH—PENEMPATAN

19. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa penempatan guru-guru Berijazah Kepujian dan Ijazah Am di sekolah-sekolah Menengah Aliran Melayu dan Inggeris di Melaka tidak seimbang. Jika ya, adakah Kementerian bercadang hendak menyelaraskan kedudukan ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang keadaan yang tidak begitu seimbang dalam penempatan guru-guru siswazah di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan dan di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) di Negeri Melaka. Keadaan ini berlaku oleh kerana kekurangan guru-guru berijazah yang boleh mengajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan diperbaiki tidak berapa lama lagi.

API LETRIK KE KAMPUNG TANJONG BELANJA

20. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan bila Kerajaan akan memasukkan api letrik ke Kampung Tanjong Belanja dan kampung-kampung di sekitarnya yang hanya terletak dua setengah batu sahaja dari pekan Parit, Perak.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan dalam Persidangan Parlimen yang lepas, bekalan letrik ke luar bandar adalah dibiayai oleh tiga pihak—Kerajaan Negeri $\frac{1}{3}$, Kerajaan Pusat $\frac{1}{3}$ dan Lembaga Letrik Negara $\frac{1}{3}$. Oleh kerana Kerajaan Negeri memberi peruntukan $\frac{1}{3}$ itu, maka Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tindakan Negeri akan menentukan keutamaan projek-projek dalam negeri itu bagi satu-satu tahun. Bekalan ke Kampung Tanjong Belanja dan Kampung-kampung di sekitarnya tidak termasuk dalam senarai projek-projek yang diluluskan bagi tahun 1975 ini. Saya percaya Kerajaan Negeri Perak akan mengambil perhatian berkenaan soalan ini apabila menimbang projek-projek bagi tahun-tahun akan datang. Ahli Yang Berhormat dinasihatkan supaya berhubung dengan Kerajaan Negeri dengan segera.

MUARA TUANG DENGAN PENDAM—MENYAMBUNGAN

21. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan samada Kerajaan bercadang untuk menyambungkan Muara Tuang di Samarahan dengan daerah kecil Pendam di Simunjan, Sarawak, dengan jalanraya, dan jika ya, bilakah kerja-kerja pembinaan ke atas jalanraya tersebut akan dimulakan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk satu jalan menyambungkan Muara Tuang dengan Pendam telahpun dimasukkan untuk dipertimbangkan bagi Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Walau bagaimanapun masih terlalu awal untuk menyatakan bilakah kerja pembinaan akan dimulakan memandangkan Rancangan Malaysia Yang Ketiga belum ditetapkan lagi.

BERITA DI TV—LAWATAN MENTERI KE NANGA MERIT

22. Tuan Abit anak Angkin minta Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas mengenai Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan samada beliau boleh menerangkan mengapa tidak ada lapuran dibuat dalam TV, Radio dan Akhbar tentang ucapan dan lawatan beliau (Tuan Abit anak Angkin) bersama-sama dengan Menteri Kesihatan Tan Sri Lee Siok Yew dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak ke Nanga Merit pada 19hb Februari, 1975 kerana pembukaan rasmi Klinik Kesihatan di sini.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak benar apa Yang Berhormat katakan itu, kerana Bahagian Berita Radio dan TV ada menyiarkan lapuran mengenai lawatan Menteri Kesihatan, Tan Sri Lee Siok Yew dan rombongannya ke Nanga Merit pada 19hb Februari, 1975 kerana pembukaan rasmi klinik di sana. Misalnya berita telah disiarkan di TV pada pukul 9.00, 19 hari-bulan itu juga, di Radio pada pukul 8.00, 19 haribulan dan Peristiwa pada 10hb Mach, pada pukul 9.25 lebih kurang 4 minit dengan filem.

PEMOGOKAN

23. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pemogokan yang berlaku di dalam masa dua bulan pertama dalam tahun 1974 dan 1975.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pemogokan yang berlaku dalam masa dua bulan pertama dalam tahun 1974 dan 1975 adalah seperti berikut:

1974			Bilangan Permogokan
Januari	...	...	7 permogokan
Februari	...	...	10 permogokan
1975			
Januari	...	...	7 permogokan
Februari	...	...	4 permogokan

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA—FAKULTI PERUBATAN

24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Kejayaan yang telah tercapai setakat ini oleh Fakulti Perubatan Universiti

Kebangsaan Malaysia dalam memesan alat-alat perubatan dan saintifik dari luar negeri dan juga Malaysia;

- (b) samada alat-alat ini akan digunakan sepenuhnya dalam penggal pertama yang akan datang di universiti tersebut tahun ini; dan
- (c) samada terdapat sebarang kesulitan yang dihadapi dalam memesan alat-alat tersebut dan masa yang paling lama diambil bagi barang-barang yang dipesan itu sampai.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pemesanan barang-barang dalam peringkat pertama telahpun dibuat pada bulan Disember tahun 1973. Alat-alat yang dipesan pada peringkat pertama ini telahpun kebanyakannya sampai, sungguhpun ada di antaranya masih lagi menunggu ketibaan daripada pembekal-pembekal.
- (b) Alat-alat tersebut sudahpun digunakan untuk kursus tahun 2 yang bermula pada bulan Mei 1974.
- (c) Kesulitan-kesulitan yang dialami berkaitan dengan pemesanan alat-alat tersebut ialah:

- (i) Barang-barang yang dipesan lewat tiba dari yang dijanjikan disebabkan oleh masalah pengangkutan khasnya barang-barang yang dipesan dari luar negeri.
- (ii) Kelewatan pembekal-pembekal tempatan memberikan barang yang dipesan kerana mereka bergantung kepada ejen-ejen yang lain.

PENCEN BALU ANGGOTA TENTERA

25. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa ada balu-balu anggota tentera yang masih belum menerima pembayaran pencen yang mereka berhak; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mereka diberi pencen dengan segera.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, mulai 1hb Januari, 1970 hingga Disember 1974 ada terdapat

sebanyak 311 kes pencen yang melibatkan balu-balu anggota tentera. Dari jumlah ini 298 kes pencen sudah dibayar. Sebanyak 13 kes adalah masih dalam proses penyelesaian. Antara 13 kes itu 2 ialah kes yang berlaku dalam tahun 1973 dan 11 kes dalam tahun 1974.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, proses penyelesaian pencen ini memerlukan beberapa tindakan dan dokumen. Misalnya, kematian seseorang anggota tentera itu perlu disiasat samada berkaitan dengan tugas atau tidak; keadaan kewangan balu dan keluarganya perlu juga disiasat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan Jabatan Hasil Dalam Negeri perlu juga memberi sijil tentang sebarang cukai pendapatan yang perlu dijelaskan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya adalah sentiasa berusaha sedaya upaya untuk mempercepatkan proses penyelesaian pencen itu, dan sehingga ini saya berpuas hati tidak ada kelewatan yang disengajakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawap Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 26 hingga 58 adalah diberi di bawah ini).

BENTING PANTAI LAUT SUNGAI LURUS

26. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan akan menegerakan pembinaan Benting Pantai Laut Sungai Lurus di Rancangan Tali Air Minyak Beku Mukim 9 Batu Pahat, memandangkan kesulitan-kesulitan yang ditanggung oleh rakyat setempat sejak beberapa tahun yang lalu oleh kerana kerosakan beribu-ribu ekar kebun kelapa di kawasan yang tersebut akibat hakisan ombak laut.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Ya. Adalah diharapkan bahawa kerja di peringkat permulaannya akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

PEGAWAI-PEGAWAI PERUBATAN/PAKAR SARAWAK

27. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi kekurangan pegawai-pegawai dalam Jabatan

Perubatan Sarawak sebagaimana yang terdapat dalam bulan Mei, 1974 seperti berikut:

Pegawai Perubatan ...	31	kekosongan
Pakar	10	"
Sister Tutors	8	"
Peg. Perubatan Kanan	4	"
Nursing Sisters ...	21	"

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Jabatan Perubatan Sarawak telah mengambil tindakan segera untuk mengambil Pegawai-pegawai Perubatan dan Pegawai-pegawai Pakar Konterek secara terus. Langkah-langkah lain termasuklah pinjaman pegawai-pegawai daripada Semenanjung Malaysia yang di dalam konterek atau atas perjawatan tetap dan bersara ke Sarawak. Kementerian saya juga telah mengambil doktor-doktor dari luar negeri untuk berkhidmat di Malaysia, termasuklah Sarawak atas dasar dari Kerajaan kepada Kerajaan. Kedudukan kekosongan jururawat dan Pegawai Perubatan sekarang ialah 24.

Tiga kategori kakitangan yang lain, iaitu Ketua Jururawat Pengajar, Pegawai-pegawai Perubatan Kanan dan Ketua-ketua Jururawat adalah jawatan-jawatan kenaikan pangkat dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat.

Urusan kenaikan pangkat bagi Ketua Jururawat adalah sekarang ini di dalam tangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dua pegawai yang berkeelayakan sedang diproses untuk dinaikkan pangkat kepada Ketua Jururawat Pengajar sementara kekosongan-kekosongan yang lain akan dipenuhi oleh dua orang penuntut yang akan kembali dan tiga orang penuntut yang lain. Bagi jawatan Pegawai-pegawai Perubatan Kanan, tindakan telah diambil untuk menaikkan pangkat seorang sahaja pegawai tempatan yang telah disahkan dalam jawatan ke satu daripada jawatan yang kosong, tetapi tiga jawatan kosong lagi tidak dapat dipenuhi kerana pegawai-pegawai perubatan yang lain itu masih belum disahkan dalam tingkatan jawatan mereka sekarang.

TANAH KEPADA PETANI- PETANI—BUKU HIJAU

28. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(a) jumlah ekar tanah yang telah dibuka untuk pertanian bagi menambahkan

pengeluaran bahan makanan semenjak pelancaran Pelan Buku Hijau;

- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan di bawah Pelan Buku Hijau untuk menentukan bahawa tanah diberikan hanya kepada petani-petani yang tidak bertanah sahaja; dan
- (c) samada Kerajaan Pusat akan berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mencari cara-cara lebih berkesan untuk membolehkan petani-petani yang tidak bertanah mendapatkan tanah daripada Pejabat Tanah dengan seberapa segera yang boleh supaya dapat mereka mengeluarkan lebih banyak lagi bahan makanan untuk menentang inflasi.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Perangkaan mengenai jumlah ekar tanah yang telah dibuka untuk pertanian dalam Rancangan Buku Hijau belum dapat diberi kerana ada daerah-daerah yang masih belum selesai membuat kajian dan menentukan rancangan bagi daerahnya.
- (b) Perkara pemberian tanah bukanlah perkara utama dalam Rancangan Buku Hijau. Apa yang lebih diutamakan ialah menggunakan sepenuhnya tanah-tanah yang telah diberi milik dan peluang mengusahakan tanah terutamanya secara berkelompok bagi mereka-mereka yang tidak bertanah atau tidak cukup tanah. Walaupun keutamaan akan diberi kepada mereka yang benar-benar tidak bertanah, Kerajaan haruslah juga menggalakkan mereka yang sanggup berusaha dan berkehendakkan kawasan-kawasan tambahan baharu sebagai peluang menambah usaha untuk pendapatan.
- (c) Perkara tanah adalah urusan negeri. Kerajaan Pusat telahpun mengarahkan Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Daerah mengkaji keseluruhan kedudukan tanah berkaitan dengan Rancangan Buku Hijau. Pemberian dan pembukaan peluang mengusahakan tanah-tanah baharu mestilah ditimbang secara keseluruhan oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah.

PEMBUANGAN PEKERJA-PEKERJA

29. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan satu persatunya jumlah pekerja yang telah dibuang kerja mengikut jenis perusahaan setakat penghujung bulan Januari 1975 di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan Sarawak; nyatakan langkah-langkah Kerajaan dan perusahaan-perusahaan yang terlibat telah ambil untuk mendapatkan mereka pekerjaan lain.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Sehingga akhir bulan Januari, 1975 termasuk setengah tahun yang kedua, 1974, sejumlah 8,303 orang pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia telah diberhentikan. Pecahan mengikut industri adalah seperti berikut:

Elektronik	...	...	...	1,801
Papan Lapis	...	...	...	2,203
Kain	...	...	...	93
Pakaian	...	...	...	437
Kilang Papan	...	...	...	1,506
Lain-lain industri	...	...	...	2,263

Perlu juga dinyatakan bahawa beberapa buah tempat kerja tidak selalunya menjalankan pembuangan pekerja-pekerja dalam erti-kata bagi memenuhi keperluan-keperluan yang kecil. Mereka semata-mata tidak memenuhi perletakan jawatan yang biasa berlaku di perusahaan-perusahaan mereka. Walau bagaimanapun, dalam angka-angka di atas, kiraan terhadap angka-angka seperti itu telah juga dimasukkan.

Pembuangan pekerja-pekerja di Sabah dan Sarawak berlaku terutamanya di perindustrian kayu balak. Sehingga akhir bulan Disember, 1974, seramai 6,078 pekerja-pekerja telah diberhentikan di Sarawak sementara di Sabah angka pemberhentian ialah 3,920.

Perkhidmatan Pekerjaan di Kementerian saya adalah terlibat dengan aktifnya untuk membantu pencari-pencari kerja, termasuklah mereka yang dibuang kerja, bagi mendapatkan kerja-kerja yang sesuai. Ada kalanya perkhidmatan ini terpaksa menjalankan tugas-tugasnya di perusahaan-perusahaan di mana pembuangan pekerja-pekerja berlaku bagi mendaftarkan pekerja-pekerja tersebut dengan harapan untuk mendapatkan mereka pekerjaan-pekerjaan lain. Sukacita juga saya

melapurkan bahawa di beberapa ketika, majikan sendiri dengan daya inisiatif mereka telah berjaya mendapatkan pekerjaan yang lain bagi pekerja-pekerja yang telah mereka berhentikan.

Baru-baru ini, dengan kerjasama dari pihak Kementerian saya, sebuah badan jentera telah ditubuhkan di Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dengan harapan dapat menyebarkan pekerja-pekerja yang diberhentikan itu ke perusahaan-perusahaan baru atau yang sedang mengembang dan memerlukan pekerja-pekerja.

Di samping itu, pekerja-pekerja sendiri hendaklah memahami akan keadaan sekarang dan hendaklah mengambil langkah-langkah sendiri bagi mengatasinya misalnya memasuki lapangan perniagaan dan sebagainya.

GULA YANG DIBERSIHKAN (REFINED SUGAR)

30. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan rancangan Kerajaan supaya Malaysia mengeluarkan gula yang cukup untuk keperluan sendiri.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Pasaran tempatan untuk gula yang dibersihkan (refined sugar) pada tahun 1975 dianggarkan sebanyak 365,000 tan. Sebahagian besar pasaran ini akan dibekalkan oleh dua kilang penapis yang mempunyai keupayaan pembersihan sebanyak 430,000 tan setahun. Kedua-dua kilang ini bergantung kepada impot untuk bekalan gula mentah mereka.

Untuk menggalakkan pengeluaran gula di dalam negeri, Kerajaan telah memberi galakan cukai kepada 5 projek yang disatukan di Perlis, Kedah, Perak, Negri Sembilan dan Johor. Projek-projek ini meliputi penanaman tebu sehinggalah pengeluaran gula yang sudah dibersihkan dan tidaklah bergantung kepada gula mentah yang diimpot sebagaimana yang dijalankan oleh kilang-kilang penapis ini.

3 daripada projek ini telahpun melaksanakan projek mereka sementara yang lain-lain sedang dilaksanakan. Selain daripada ini, 3 projek lain sedang dikaji untuk negeri-negeri Kelantan, Pahang dan Sarawak atau Sabah.

Perbandingan di antara permintaan pasaran sekarang ini dengan keupayaan

pengeluaran kelima-lima projek yang disatukan yang diluluskan setakat ini akan menunjukkan bahawa masih ada lagi peluang di pasaran tempatan untuk menggalakkan penubuhan projek-projek yang disatukan di Malaysia. Kerajaan bersedia untuk menggalakkan penubuhan-penubuhan projek-projek sedemikian melalui pemberian kredit cukai pelaburan dan galakan-galakan lain dengan tujuan untuk menambahkan pengeluaran gula tempatan.

Walau bagaimanapun adalah mustahak diingatkan bahawa ada beberapa had di dalam mencapai penambahan bagi pengeluaran tempatan. Perusahaan ini mempunyai beberapa masalah seperti adanya tanah-tanah yang sesuai dan juga keadaan iklim. Keadaan-keadaan yang sesuai untuk penanaman tebu tidak didapati di seluruh negeri tetapi didapati di beberapa tempat sahaja di negeri ini.

Tempat-tempat ini sekarang ada mempunyai projek gula sendiri. Keduanya luas ladang yang diperkirakan sesuai bagi projek gula ialah sebanyak 20,000 ekar. Ahli Yang Berhormat akan bersetuju bahawa sangat sukar untuk mendapat kawasan sebegini luas khasnya mempunyai tanah yang baik dan juga iklim yang sesuai. Kegiatan penubuhan projek gula yang disatukan akan melibatkan banyak wang sebanyak \$60 juta yang tidak mungkin didapati dengan segera.

Memandangkan kepada di atas, Ahli Yang Berhormat akan mendapati bahawa sungguhpun kecukupan sendirian (self-sufficiency) dalam gula adalah satu objektif yang wajar, ini bukanlah satu tugas yang mudah untuk mencapai objektif ini secepat mungkin ataupun di masa-masa yang akan datang.

ABDUL RAZAK/JULIET CHIN DITAHAN

31. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa Encik Abdul Razak dan Cik Juliet Chin telah ditempatkan dalam Tahanan Persendirian dan jika benar, nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Mengikut soalan Yang Berhormat dari Kepong, Encik Abdul Razak dan Cik Juliet Chin telah ditempatkan di sebuah bilik. Ini tidak benar. Mereka ini telah ditempatkan dalam bilik yang terasing.

JULIET CHIN DITAHAN

32. Dr Tan Chee Khoon meminta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa penahanan Cik Juliet Chin telah memusnahkan harapannya untuk mengambil Peperiksaan Akhir Jurusan Akitek, di Universiti Singapura;
- (b) sebab-sebab Cik Juliet Chin tidak di-benar melaksanakan Kertas Peperiksaan tambahan dalam Rekabentuk (Design) yang perlu disampaikan sebelum atau pada 29hb Mac, 1975 menurut Peraturan Fakulti Akitek, Universiti Singapura; dan
- (c) bolehkah Menteri menjelaskan bagaimana Cik Juliet Chin merupakan ancaman kepada negara kita sedangkan ia telah belajar di Singapura sejak lima tahun yang lalu dan tidak membuat apa-apa kesalahan di Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cik Juliet Chin ditangkap selepas beliau gagal di dalam Peperiksaan Akhir Jurusan Akitek, Universiti Singapura.
- (b) Tentang Peperiksaan Tambahannya (Supplementary Examination), Kementerian ini telahpun menghantar surat kepada Cik Juliet Chin, menjelaskan kesediaan untuk memberi kemudahan dan mengambil apa-apa jua langkah yang perlu untuk beliau mengambil peperiksaan tambahannya itu.
- (c) Tindakan-tindakan Cik Juliet Chin semasa ia berada di Malaysia dan di Singapura merupakan ancaman kepada negara dan itulah yang menjadi asas tindakan tahanan yang dikenakan ke atasnya.

PELAJARAN PERTANIAN/ PERDAGANGAN

33. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pelajaran menyatakan samaada Kementerian berkenaan bercadang hendak menjadikan mata-mata pelajaran Pertanian dan Perdagangan sebagai mata pelajaran yang wajib bagi murid-murid sekolah di semua aliran bahasa di masa-masa yang akan datang.

Menteri Pelajaran Dr Mahathir bin Mohamad: Perkara ini akan dirujukkan kepada Jawatankuasa Menteri bagi mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran.

TOPI KELEDAR

34. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) Samada beliau akan mengumumkan nama-nama syarikat-syarikat yang mengeluarkan topi-topi keledar yang diimpot yang mengikut "standard" dan boleh dipakai, supaya orang ramai dapat mengetahui apakah cap-cap dan manakah jenis-jenis topi-topi keledar yang patut dibeli;
- (b) Samada beliau sedar bahawa kebanyakan ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan motosikal sedangkan topi-topi keledar untuk kanak-kanak sekolah tidak dapat diperolehi di pasaran. Jikalau sedar, apakah salah satu langkah yang akan beliau ambil selain dari tidak menggalakkan ibubapa membawa anak-anak mereka ke sekolah dengan menggunakan motosikal.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

- (a) Untuk kepentingan orang ramai mengetahui jenis-jenis topi keledar yang patut dibeli sukalah saya memberikan senarai cap-cap topi keledar yang diimpot dan mendapat kelulusan SIM serta nama negara yang menge-luarkannya.

Cap	Negara Pengeluar
1. Centurion	England
2. Everoak	England
3. Kangol Colt	England
4. Shoei	Japan
5. Kunoh	Japan
6. Sane Crown	Taiwan

Perlu diberitahu di sini bahawa hanya topi keledar yang diimpot selepas Mei, 1973 sahaja yang telah diuji dan mendapat kelulusan SIM.

- (b) Topi keledar jenis kecil untuk kanak-kanak ada dijual dalam pasaran. Oleh itu bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul.

BADAN-BADAN BERKANUN

35. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan:

- (a) bilangan badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat anjuran badan-badan berkanun yang diletakkan di bawah jagaan Kementerian beliau dan samada masih terdapat badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat jenis ini yang masih belum diletakkan di bawah kelolaan Kementerian; jika ya, nyatakan sebab-sebab;
- (b) samada terdapat badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat anjuran badan berkanun yang rugi perjalanan pada tiap-tiap tahun; jika ya, namakan badan-badan dan syarikat-syarikat mana yang berkenaan serta sebab-sebab kerugian itu; dan
- (c) rancangan-ancangan Kerajaan untuk menentukan kerugian-kerugian itu, kiranya ada, tidak berlanjutan.

Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn):

- (a) Bilangan badan-badan berkanun yang ada di bawah Kementerian ini ialah sebanyak 21 dan syarikat-syarikat anjuran badan-badan tersebut adalah sebanyak 149. Tidak ada lagi terdapat badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat jenis yang mana masih belum diletakkan di bawah kelolaan Kementerian saya. Ada badan-badan berkanun yang tertentu yang diletakkan di bawah Kementerian-kementerian lain oleh kerana didapati tugas-tugas badan-badan tersebut tertumpu khas kepada bidang-bidang yang berkaitan dengan Kementerian itu sahaja.
- (b) Untung dan rugi adalah perkara biasa dalam mana-mana syarikat perdagangan. Ada kalanya syarikat itu pada ketika-ketika tertentu mendapat keuntungan dan pada ketika yang lain pula mengalami kerugian. Seperti Yang Berhormat terlebih maklum Kementerian saya baru sahaja ditubuhkan pada bulan Oktober 1974. Bagaimanapun daripada maklumat-maklumat yang ada di Kementerian saya dari jumlah 149 syarikat-syarikat perdagangan yang ditubuhkan oleh badan-badan tersebut, cuma 19 sahaja yang pernah mengalami kerugian. Mengikut

lapuran-laporan yang telah dikemukakan setakat ini syarikat itu adalah 11 terdiri daripada MARA, 2 PERNAS 1 MIDFL dan 5 FIMA. Ini tidak termasuk syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di mana maklumat-maklumat lengkap sedang diperolehi. Bagaimanapun dari laporan-laporan awal perjalanan syarikat-syarikat tersebut adalah memuaskan.

Sebab-sebab utama syarikat-syarikat tersebut mengalami kerugian ialah kerana pasaran yang terhad, kekurangan modal pusingan, kenaikan harga bahan-bahan mentah, kekurangan pekerja-pekerja yang mahir dan terlatih, para pelanggan yang tiada membuat bayaran mengikut jangka masa yang ditetapkan. Selain daripada itu kebanyakan syarikat tersebut adalah masih lagi dalam peringkat permulaan pelaksanaan, dan oleh itu dari segi pengeluaran hasilnya belumlah dapat dikatakan tercapai sepenuhnya. Syarikat-syarikat yang mengalami kerugian itu adalah sentiasa mencari jalan mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi agar dapat memperbaiki perjalanan syarikat-syarikat tersebut. Antara rancangan-rancangan yang dijalankan ialah seperti mendapatkan kontrak-kontrak jangka panjang, mengkaji kontrak-kontrak yang ada bagi mengubahsuaikan mengikut kenaikan harga pasaran, mengkaji kadar-kadar pinjaman dan kadar-kadar pendapatan balik.

Di samping tindakan-tindakan tersebut Kementerian saya akan sentiasa mengawasi perjalanan-perjalanan syarikat-syarikat tersebut, dengan mendapatkan kira-kira tahunan mereka agar tindakan sewajarnya dapat diambil selain daripada mengadakan perjumpaan di antara syarikat-syarikat yang berkaitan dari masa ke masa bagi membincangkan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh mereka.

PERTANIAN DAERAH BELAGA—PENGELUARAN

36. Tuan Sibut Miyut anak Tagang minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada satu kajian tentang sesuainya tanah-tanah untuk jenis-jenis

tanaman boleh dibuat di Bahagian Ketujuh Sarawak khususnya dalam Daerah Belaga supaya peladang-peladang di sana boleh mendapat hasil pengeluaran pertanian mereka yang lebih baik.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Boleh. Mengikut keterangan yang diberi oleh Kementerian Pertanian dan Kemajuan Masyarakat Sarawak, kajian akan dimulakan pada penghujung tahun ini dengan bantuan Canadian International Development Agency.

DISKRIMINASI DRESSER BERGERAK DI KAPIT/SONG SARAWAK

37. Tuan Abit anak Angkin minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sadar dresser bergerak di Kapit dan Song, Sarawak dalam masa menjalankan tanggungjawabnya mengamalkan diskriminasi terhadap orang-orang sakit jenis yang tertentu, jika ya, apa tindakan yang akan diambil untuk menghapuskan amalan begini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya tidak sadar akan diskriminasi ini. Jika Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan tuduhan-tuduhan tertentu, Kementerian saya boleh menyiasat dengan keseluruhan berkenaan dengan perkara ini. Jika pegawai tersebut didapati tidak menjalankan atau melalaikan tugas dan tanggungjawab beliau, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap beliau.

HARGA BARANG KEPERLUAN MAHAL

38. Tuan Abit anak Angkin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sadar bahawa barang-barang keperluan hari-hari mahal di kawasan luar bandar daripada di bandar-bandar di Sarawak, jika ya, apa langkah yang akan diambil untuk mengelakkan keadaan ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya sadar bahawa harga barang-barang keperluan memang lebih mahal sedikit di luar bandar jika dibandingkan dengan harga di bandar-bandar di Sarawak. Perbezaan harga ini adalah disebabkan oleh tambahan tambang pengangkutan terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman seperti tambang motorbot, upah kandal dan sebagainya. Kerumitan-kerumitan pengangkutan ini memerlukan masa yang panjang untuk diselesaikan. Sehingga masalah ini dapat diatasi, keadaan harga barang-barang

keperluan hari-hari di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak tidak mungkin dapat dibaikki.

PERUMAHAN SETINGGAN-SETINGGAN

39. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-Kampung Baru menyatakan samada beliau sadar adanya masalah setinggan-setinggan di Serdang, Pucong, Kampung Baru Sungei Way dan Kuchai dan nyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memberi setinggan-setinggan tersebut lot perumahan yang berpatutan supaya membolehkan mereka tinggal dalam suasana yang sihat dan tidak membimbangkan.

Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum): Kerajaan memang sadar adanya masalah-masalah setinggan dalam kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Misalnya di dalam Wilayah Persekutuan sahaja terdapat lebih daripada 38,000 keluarga setinggan. Oleh kerana bilangannya besar maka Kerajaan memandang berat terhadap masalah-masalah setinggan dan kedudukan-kedudukan masalah ini sedang dikaji dan diberi perhatian dengan teliti. Kerajaan telah mencuba memberi keselesaan kepada kawasan-kawasan setinggan dengan seberapa yang boleh dengan membantu kerja-kerja gotong-royong dalam membersihkan kawasan-kawasan setinggan mereka dan mengadakan bantuan terhadap projek-projek kecil. Selain daripada itu pihak Kerajaan juga mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti paip air, jalan-jalan, parit-parit, tandas-tandas awam, jambatan-jambatan kecil dan sebagainya. Di samping itu juga setinggan-setinggan adalah diberi keutamaan untuk menduduki rumah-rumah murah Kerajaan apabila tanah-tanah yang mereka duduki itu dikehendaki oleh Kerajaan dan mereka dikehendaki berpindah.

HAKMILIK TANAH PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG BARU

40. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sadar bahawa terdapat tempoh yang tidak sekata dalam hakmilik tanah di kampung-kampung baru

di setiap negeri, yang mana tempoh tersebut berbeza di antara 30 hingga 60 tahun, dan, nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperelokkan ketidak seimbangan ini dengan Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Saya sedar akan kesulitan-kesulitan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru berhubung dengan soal hakmilik tanah.

Langkah-langkah telahpun diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menyelaraskan keadaan yang tidak seimbang ini. Kerajaan Negeri telahpun bersetuju menimbangkan cadangan untuk memberikan hakmilik tanah yang tetap bagi kampung-kampung baru berdasarkan kepada keadaan-keadaan serta sebab-sebab yang tertentu, dan memberi tempoh pajakan hakmilik tanah dalam jangka masa tidak kurang dari 60 tahun.

Dengan ini, kampung-kampung baru akan mendapat jaminan yang lebih selamat di dalam kegunaan tanah-tanah dan dalam masa yang sama akan dapat menggunakan kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Semasa lawatan saya ke beberapa negeri, saya telah mengadakan rundingan-rundingan dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri berkenaan dengan soal-soal tempoh pajakan hakmilik tanah.

TEKSI DI LUAR BANDAR KURANG

41. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang aduan-aduan mengenai kekurangan perkhidmatan teksi di luar bandar terutama sekali di dalam kampung-kampung baru dan estet-estet, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (b) adakah Menteri akan menimbang untuk melonggarkan syarat pemberian lesen teksi kepada tempat-tempat luar bandar supaya dapat mengurangkan masalah pengangkutan yang dialami oleh penduduk-penduduk luar bandar.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:

- (a) Setakat ini tidak ada aduan mengenai kekurangan teksi di luar bandar yang dikemukakan terutama sekali di dalam kampung-kampung baru ataupun estet-

estet. Walau bagaimanapun Kementerian ini akan sedia menimbangkan syur-syur dan perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat Angka Matlamat bagi kereta-kereta sewa dan teksi di negeri masing-masing yang mana lebih tahu tentang masalah kekurangan teksi di negeri-negeri tersebut.

- (b) Setiap pertimbangan bagi kelayakan sesuatu teksi di tempat ini adalah diusahakan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dan terpulanglah kepada budi-bicara Lembaga tersebut untuk melonggarkan syarat pemberian lesen bagi kes-kes tertentu.

JURURAWAT-JURURAWAT/ DOKTOR-DOKTOR SARAWAK

42. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi kekurangan sangat jururawat-jururawat dan doktor-doktor dalam Negeri Sarawak; dan
- (b) adakah benar bahawa doktor-doktor di Sarawak mestilah lulus Peperiksaan Darjah Satu Bahasa Malaysia mereka sebelum berhak mendapat kenaikan gaji.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Kementerian saya telah membesarkan program latihan untuk jururawat-jururawat di Sarawak dalam daya usaha kami untuk mengatasi kekurangan tenaga kakitangan. Mengikut "crash programme", pengambilan tahunan jururawat-jururawat berjumlah 20 pelatih-pelatih setahun dalam Rancangan Malaysia Pertama telah diperbesarkan kepada 50 pelatih-pelatih dari tahun 1975. Dalam tahun 1976 bilangan ini akan digandakan kepada 100 pelatih-pelatih. Untuk penambahan program latihan kami, kami juga mengambil jururawat-jururawat secara langsung. Dengan cara ini, Kementerian saya berharap dapat mengurangkan kekurangan pada masa sekarang dari 22% kepada 8% di-hujung Rancangan Malaysia Ketiga.

Berkenaan dengan kekurangan doktor-doktor, Kementerian saya sedang mencari jalan untuk memperbaiki

(b) Doktor-doktor yang sedang berkhidmat dalam Sarawak dan memegang jawatan Tetap dan Berpencen adalah dikuasai oleh Peraturan-peraturan Am

Kerajaan. Sebagai Pegawai Division I, mereka dikehendaki lulus Peperiksaan Standard Rendah (Lower Standard Examination) sebelum mereka tamat perkhidmatan 3 tahun seperti dikehendaki di bawah Seksyen 371 dan 372 (b) Peraturan-peraturan Am. Lulus peperiksaan ini adalah perlu untuk menetapkan jawatan mereka. Dengan yang demikian, tambahan gaji seseorang pegawai terpaksa ditangguhkan jikalau jawatan beliau tidak disahkan tetap selepas 3 tahun perkhidmatan sehingga beliau memenuhi segala keperluan untuk penetapan jawatan.

Datuk Lee San Choon: Mengikut maklumat yang diterima oleh Kementerian saya sejumlah 6,807 pekerja-pekerja telah dibuang kerja dalam jangka masa dari bulan Ogos, 1974 hingga Disember 1974 di Semenanjung Malaysia. Pecahan mengikut industri adalah seperti berikut:

Industri	Ogos 1974 hingga 31-12-1974
Elektronik	982
Kain	93
Pakaian	437
Papan Lapis	2,142
Kilang Papan	1,268
Lain-lain Industri	1,885
JUMLAH	<u>6,807</u>

Walau bagaimanapun, bagi mengukur kesan kemerosotan ekonomi ke atas pekerjaan dari segi bilangan pekerja-pekerja yang bekerja, satu tinjauan ke atas enam industri di Semenanjung Malaysia meliputi jangka masa di antara bulan Oktober dan Disember 1974 menunjukkan keputusan akhir seperti berikut:

Industri	Bilangan Perusahaan Yang Ditinjau	Bilangan Yang Mendapat Pekerjaan Di akhir Bulan Oktober 1974	Bilangan Yang Mendapat Pekerjaan Di akhir Bulan Disember 1974	Keputusan Akhir
Elektronik	47	24,971	24,147	— 824
Kain	32	15,431	15,554	+ 123
Pakaian	67	6,908	6,954	— 46
Kilang Papan	343	14,251	13,256	— 995
Papan Lapis	27	7,990	7,224	— 776
Pengumpulan Kereta-kereta dan Lori	7	5,850	5,591	— 259
				— 2,767

BUKU RAMPAIAN MURID SEKOLAH

44. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kepada masa yang diambil dan kerumitan yang dihadapi oleh guru-guru menjual buku-buku tulis bantuan separuh Kerajaan, samada Kementerian beliau akan menimbang mengubah sistem kepada satu sistem yang menyelamatkan masa guru-guru tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian saya memang sedar akan kerumitan yang dihadapi oleh guru-guru dalam hal penjualan buku-buku rampaian secara murah kepada murid-murid sekolah. Tetapi oleh sebab hal ini melibatkan kutipan wang dan aturan-aturan perakaunan, maka segala arahan Kementerian mengenai kutipan wang tersebut hendaklah dipatuhi untuk memastikan bahawa hasil negara dapat dipungut dengan sempurna. Walau bagaimanapun Guru-guru Besar boleh menggunakan budibicara dalam mengadakan ubahsuai terhadap aturan-aturan tersebut asalkan ianya selaras dengan peraturan-peraturan perakaunan.

PERMOHONAN KEWARGA-NEGARAAN BORANG "G"

45. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa bilangan permohonan-permohonan Kewarganegaraan di bawah Borang "G" yang masih dalam pertimbangan Kementerian sejak bulan Mei, 1969.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pegawai-pegawai Kementerian ini sentiasa bertungkus-lumus mengendalikan kerja-kerja memproses permohonan-permohonan di bawah Borang "G" dan boleh dikatakan tiap-tiap hari ada permohonan yang diberi keputusan. Hasil daripada kerajinan mereka itu, daripada jumlah permintaan 42,569 yang diterima kini hanya tinggal sebanyak 6,624 sahaja yang sedang diproses.

BANGUNAN SEKOLAH BARU

46. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa bilangan bangunan-bangunan sekolah baru untuk Sekolah-sekolah Kebangsaan aliran Melayu, China, dan Tamil yang telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan berapa bilangan bangunan baru yang dicadangkan

bagi ketiga-tiga aliran bahasa yang tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Dr Mahathir bin Mohamad: Bilangan bangunan sekolah baru yang setakat ini telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi sekolah aliran Kebangsaan, Rendah dan Menengah ialah 50 buah bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China ialah 1 buah dan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ialah 5 buah.

Bilangan bangunan baru yang akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga belumlah lagi dapat ditentukan.

KESATUAN SEKERJA

47. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) samada Kerajaan bercadang membuat keahlian Kesatuan Sekerja wajib; dan
- (ii) bagaimanakah Kementerian itu bercadang menyelesaikan kebuntuan di antara pihak Pengurusan Perak Hauliers dan pekerja-pekerjanya yang sekarang ini masih lagi mogok di Ipoh.

Datuk Lee San Choon:

- (i) Dalam Kontek amalan demokrasi, pekerja-pekerja patutlah bebas untuk memasuki atau tidak sesuatu kesatuan sekerja dan dengan itu Kerajaan tidak bercadang untuk membuat keahlian Kesatuan Sekerja wajib.
- (ii) Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sekarang sedang berunding mengenai pertikaian di antara Perak Hauliers Sdn. Bhd., Ipoh dengan Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan dan berbangkit daripada usaha-usaha ini, pihak Syarikat telah membuat tawaran-tawaran tertentu yang mana sedang dipertimbangkan oleh Kesatuan sekarang. Dengan kemajuan ini adalah dijangka bahawa pertikaian akan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

BEKAS PERAJURIT—PEKERJAAN

48. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan bekas-bekas perajurit yang:

- (a) mempunyai lesen lesen teksi;
- (b) menjadi peneroka di rancangan-rancangan Tanah Kerajaan; dan
- (c) mendapat pekerjaan dengan syarikat-syarikat swasta.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Bilangan bekas-bekas perajurit pada hujung tahun 1974 yang mempunyai lesen-lesen teksi ialah 640 orang semuanya.
- (b) Mengikut rekod-rekod di Kementerian saya bilangan bekas-bekas perajurit yang telah berjaya mendapat peluang untuk menyertai Rancangan Tanah FELDA ialah 3,596 dan dalam Rancangan Tanah Pinggir ialah 1,337 peserta. Bilangan ini, walau bagaimanapun, tidaklah merupakan jumlah yang sepenohnya kerana tidak semua bekas perajurit yang berjaya memasukkan ke Kementerian saya. Di samping angka-angka tersebut di atas 240 keluarga bekas perajurit juga sedang mengambil bahagian dalam sebuah rancangan tanah khas bagi bekas perajurit yang diuruskan oleh Kementerian saya sendiri di kawasan Sungai Koyan, Pahang.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, 20 peratus dari tempat-tempat di rancangan-rancangan Tanah FELDA dan FELCRA dan 15 peratus daripada tempat-tempat dalam rancangan Tanah Pinggir adalah dikhususkan bagi bekas-bekas perajurit.

- (c) Bilangan sebenar bekas perajurit yang telah mendapat pekerjaan dengan pihak swasta juga tidak diketahui kerana ramai yang tidak melaporkan ke Kementerian saya setelah berjaya mendapat pekerjaan. Walau bagaimanapun rekod-rekod di Kementerian saya menunjukkan bahawa seramai 201 orang telah berjaya mendapat pekerjaan dengan pihak swasta.

KEGANASAN LANUN-LANUN

49. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan keganasan yang dilakukan oleh lanun-lanun di sepanjang Pantai Timur Semenanjung Malaysia terutama sekali di kawasan Kedai Buluh dan Tumpat dari 1-12-74 hingga 15-3-75 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil ke atas kejadian-kejadian ini;

- (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap lanun-lanun yang menganas lagi pada 1-3-75 dan 11-3-75 di kawasan tersebut; dan
- (c) apa Kerajaan bercadang hendak buat untuk menghentikan keganasan-keganasan dari berlaku terus-menerus.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Tidak ada sebarang laporan mengenai keganasan lanun di sepanjang Pantai Timur Semenanjung Malaysia dalam jangkamasa 1-12-74 hingga 15-3-75.
- (b) Tidak ada apa-apa tindakan yang diambil kerana tidak ada laporan mengenai keganasan lanun yang berlaku pada tarikh dan di kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.
- (c) Adalah sukar untuk menghapuskan samasekali keganasan lanun-lanun. Walau bagaimanapun untuk mencegahnya Kerajaan sedang mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - (i) Pihak Polis Laut sentiasa menjalankan rondaan meliputi jarak 12 batu di kedua-dua Pantai Timur dan Barat. Di luar daripada jarak 12 batu adalah di bawah rondaan Tentera Laut Di Raja Malaysia.
 - (ii) Polis Laut Di Raja Malaysia dan Polis Laut Thai menjalankan rondaan bersama di sepanjang Pantai Sempadan Malaysia/Thailand.
 - (iii) Kesemua rondaan-rondaan di atas akan dipergiatkan lagi apabila diperlukan.

**PEKERJA KILANG ELEKTRONIK—
PEMBERHENTIAN**

50. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan memandangkan kepada pemberhentian pekerja-pekerja kilang elektronik secara mengejut baru-baru ini, adakah Kementerian ini akan menyiasat mengenai perkara ini dan nyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil.

Datuk Lee San Choon: Perkhidmatan Pekerjaan di Kementerian saya adalah terlibat dengan aktifnya untuk membantu pencari-pencari kerja, termasuklah mereka yang dibuang kerja dari kilang-kilang elektronik

dan lain-lain kilang atau perusahaan, untuk mendapatkan mereka pekerjaan-pekerjaan yang sesuai. Ada kalanya Perkhidmatan ini terpaksa menjalankan tugas-tugasnya di perusahaan-perusahaan di mana pembuangan pekerja-pekerja berlaku, bagi mendaftarkan pekerja-pekerja tersebut dengan harapan untuk mendapatkan mereka pekerjaan-pekerjaan lain.

Baru-baru ini, dengan kerjasama dari pihak Kementerian saya, sebuah badan jentera telah ditubuhkan di Lembaga Kemajuan Perusahaan Kemajuan dengan harapan dapat menyebarkan pekerja-pekerja yang diberhentikan itu ke perusahaan-perusahaan baru atau yang sedang mengembang dan memerlukan pekerja-pekerja.

PENDERMA/PENERIMA DARAH (BLOOD DONORS/DONEES)

51. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan penderma-penderma dan penerima-penerima darah di negara ini dengan memberikan angka-angka mengikut bangsa seperti berikut:

- (a) Melayu;
- (b) China; dan
- (c) lain-lain.

Tan Sri Lee Siok Yew: Jumlah bilangan penderma-penderma dan penerima-penerima darah di negara ini mengikut bangsa adalah seperti berikut:

1974	Penderma	Jumlah Darah Diderma (pts)	Penerima	Jumlah Darah Diterima (pts)
Melayu	23,661	23,651	9,949	14,135
China	4,557	4,553	9,039	13,506
India	6,104	6,099	3,562	4,656
Lain-lain	572	572	198	293
	<u>34,894</u>	<u>34,876</u>	<u>22,748</u>	<u>32,590</u>

SEKOLAH WAN HUA— JUALAN TANAH

52. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau telah menyiasat sebab-sebab mengapa Kerajaan Negeri Perak membenarkan penjualan tanah kepunyaan sekolah Wan Hua, di Menglembu, Perak. Apakah tindakan yang akan diambil untuk mengembalikan tanah tersebut kepada sekolah yang berkenaan.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Pelajaran sedang menyiasat penjualan tanah ini.

POTER-POTER KERETAPI

53. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar:

- (a) poter-poter keretapi terpaksa bekerja walaupun pada hari-hari kelepasan am;
- (b) mereka tidak menerima elaun khas apabila mereka bertugas walaupun pada hari-hari kelepasan am; dan
- (c) mereka tidak menerima elaun tambahan ketika bertugas di tempat luar.

Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Memang benar setengah dari Poter-poter dalam Pertadbiran Keretapi terpaksa bertugas pada hari-hari Kelepasan Am kerana pada hari-hari tersebut Pertadbiran Keretapi masih menyediakan perkhidmatan terin, dan oleh yang demikian kakitangan secukupnya adalah diperlukan untuk menampung kehendak-kehendak perkhidmatan;
- (b) Kenyataan yang mengatakan mereka tidak menerima elaun khas (di sini sepatutnya bukanlah Elaun Khas tetapi bayaran kerja lebih masa) apabila bekerja pada hari Kelepasan Am adalah tidak benar. Pembayaran kerja lebih masa adalah diberi kepada Poter-poter mengikut peraturan yang terkandung dalam "Package Deal", iaitu satu perjanjian yang tercapai di antara pihak Kesatuan Pekerja dan Pertadbiran Keretapi. Mengikut peraturan ini Poter-poter adalah termasuk dalam golongan kakitangan Gerakan dan seperti kakitangan-kakitangan dalam gulungan ini, mereka adalah dikehendaki memilih mana-mana 6 hari dari jumlah 15 hari-hari Kelepasan Am yang diisytiharkan pada tiap-tiap tahun. 6 hari-hari Kelepasan Am yang dipilih itu adalah dinamakan "Cuti Kelepasan Am yang dipilih" dan bakinya 9 hari dari jumlah 15 hari Kelepasan Am itu dinamakan "Cuti Kelepasan Am yang tidak dipilih".

Sekiranya Poter-poter dikehendaki bekerja atas kehendak perkhidmatan pada hari-hari "Cuti Am yang dipilih",

mereka adalah berhak menuntut bayaran kerja lebih masa, 2 kali ganda. Akan tetapi apabila mereka digilirkan bertugas pada hari-hari Kelepasan Am yang dianggapkan sebagai "Cuti-cuti Am tidak dipilih" pula, mereka biasanya diatur mengambil cuti gantian kepada suatu tarikh dalam tempoh sebulan sebelum ataupun sesudah tarikh hari Kelepasan Am yang dimaksudkan itu berlaku. Sekiranya mereka tidak dapat diberi "cuti gantian" dalam tempoh yang ditetapkan dan mereka pula dikehendaki bertugas pada Hari Kelepasan Am itu maka mereka juga berhak menuntut bayaran kerja lebih masa 2 kali ganda.

- (c) Kenyataan yang mengatakan mereka tidak menerima elaun tumpangan ketika bertugas di tempat luar adalah juga tidak benar. Bayaran Elaun Tumpangan (lodging allowance) kerana bertugas di tempat luar adalah dibayar kepada mereka, asalkan tuntutan mereka tidak melebihi had yang ditetapkan.

TANAH KEPADA PETANI-PETANI

54. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah ekar tanah yang telah dibuka di setiap negeri di Malaysia Barat sejak pelancaran Rancangan Buku Hijau, dan beri pecahan angka-angka tanah yang diberi kepada berbagai kaum.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Jawapannya adalah sama dengan jawapan kepada soalan 28 (a) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye.

PERUMAHAN TAYNTON VIEW— SISTEM JALAN/PARIT

55. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar jalan-jalan dan sistem parit-parit di kawasan perumahan Taynton View, Batu 6, Jalan Cheras, Kuala Lumpur, tidak dijaga betul oleh pemaju perumahan, Messrs Venkateswara Sendirian Berhad, jika sedar, nyatakan tindakan Kementerian beliau akan ambil terhadap pemaju perumahan tersebut kerana melanggar Peraturan dan Syarat-syarat Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan), 1966.

Tuan Michael Chen Wing Sum: Perbekalan-perbekalan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya adalah dikuatkuasakan untuk mengawal dan melesen pemaju-pemaju perumahan swasta, dan Kementerian saya diberi kuasa untuk menentukan supaya penjualan dan pembelian rumah-rumah di antara pemaju-pemaju yang berlesen dan pembeli-pembeli rumah dilaksanakan menurut prinsip-prinsip tertentu dan secara amalan perniagaan yang sehat. Di bawah sesuatu penjualan/pembelian itu kedua-dua pihak—pemaju swasta yang berlesen dan pembeli—adalah terikat kepada perbekalan undang-undang yang lain, jika ianya ada kaitan dengan urusan jual beli itu.

Dalam hal jalan-jalan dan parit-parit yang menjadi sebahagian sesuatu kemajuan perumahan swasta, peraturan-peraturan di bawah Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1970, mengikut pemaju perumahan yang berkenaan supaya memenuhi kehendak dan piawai-piawai pihak berkuasa yang berkenaan, yang lazimnya pihak berkuasa majlis tempatan.

Berkaitan taman perumahan Taynton View, Kuala Lumpur, perkara mengenai penyelenggaraan sistem jalan dan parit di situ sedang diteliti oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur yang menjadi pihak berkuasa yang berkenaan bagi meluluskan pelan-pelan bangunan dan menguatkuasakan undang-undang kecil dan peraturan-peraturan mengenai bangunan-bangunan. Kementerian saya adalah berhubung rapat dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi menentukan supaya pihak pemaju perumahan yang berkenaan itu memenuhi tanggungjawabnya terhadap masalah sistem jalan-jalan dan parit di taman perumahan tersebut.

SETINGGAN-SETINGGAN DI BANDAR-BANDAR

56. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam sekitar menyatakan samada beliau sedar bahawa beratus ribu setinggan dalam bandaraya-bandaraya dan di bandar-bandar yang lain dinafikan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, air paip, lampu-lampu jalan, perondaan keselamatan polis; jika ya, nyatakan langkah-langkah berkesan yang sedang

diambil untuk membekalkan mereka rumah-rumah yang sempurna dan kemudahan-kemudahan yang lain supaya memastikan masyarakat setinggan-setinggan tidak terus ditinggalkan kerana mereka adalah warga-negara yang bertanggungjawab yang memberi tenaga manusia untuk perdagangan-perdagangan dan perindustrian-perindustrian di negara kita.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Kementerian saya sadar tentang nasib setinggan-setinggan dalam bandaraya-bandaraya dan bandar-bandar yang lain yang tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, air paip dan lampu-lampu jalan. Ini sudah merupakan satu masalah yang sama yang diberi perhatian yang berat oleh Kerajaan dan penguasa-penguasa tempatan yang mentadbirkan kawasan-kawasan itu. Bukanlah mudah hendak mengatasi masalah ini tanpa perancangan yang bijak yang mesti dikaitkan dengan perancangan perkembangan bandar-bandar itu sendiri. Keadaan ini telah ditimbulkan dengan mengejut sehingga mengendalakan perancangan perkembangan bandar yang tersusun dan teratur yang mesti dijalankan dengan secara berperingkat-peringkat mengikut kedudukan kewangan. Dalam kebanyakan kejadian setinggan-setinggan ini telah mencacak rumah kediaman haram di atas tanah-tanah Kerajaan yang telah dicadangkan untuk rancangan lain dan rumah-rumah kediaman ini telah dibina tanpa mengendahkan sebarang peraturan kesihatan dan perancangan bandar sehingga merupakan satu kawasan sesak dan susah hendak diatur semula melainkan dengan memindahkan setinggan-setinggan itu ke tempat yang lain di mana boleh terdapat segala kemudahan asas yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Namun demikian, Kerajaan melalui agensi-agensi seperti Perbadanan Kemajuan Negeri dan penguasapenguasa tempatan yang berkenaan tidak sunyi daripada merancang dan melaksanakan projek-projek perumahan bagi setinggan-setinggan ini dengan mendirikan rumah-rumah pangsa dan sebagainya bagi menempatkan mereka itu. Proses ini sudah tentu tidak boleh dijalankan dengan sekelip mata tetapi akan memakan masa yang agak panjang kerana masalah setinggan ini berlaku dengan berterusan.

PEKERJA-PEKERJA YANG DIBUANG KERJA

57. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan pekerja-pekerja yang dibuang kerja oleh kerana kemerosotan ekonomi (recession);
- (b) bilangan daripada pekerja-pekerja yang terlibat ini yang diberi pekerjaan lain; dan
- (c) samada langkah-langkah diambil untuk melatih mereka di dalam bidang yang lain.

Datuk Lee San Choon:

- (a) Mengikut maklumat yang diterima oleh Kementerian saya, sejumlah 9,041 pekerja-pekerja telah dibuang kerja daripada bulan Ogos, 1974 hingga kepada 20hb Mac, 1975 di Semenanjung Malaysia. Pecahan mengikut industri-industri adalah seperti berikut:

Industri		Ogos 1974 hingga 20hb Mac, 1975
Elektronik	...	2,085
Kain	...	93
Pakaian	...	437
Papan Lapis	...	2,429
Kilang Papan	...	1,506
Lain-lain industri	...	2,491
Jumlah		9,041

Perlu dinyatakan bahawa setengah-setengah perusahaan tidaklah melakukan pembuangan kerja dalam ertikata yang sebenarnya bagi memenuhi permintaan-permintaan yang kian menurun. Mereka tidak menempatkan semula perletakan-perletakan jawatan biasa yang berlaku di perusahaan-perusahaan mereka. Walau bagaimanapun dalam perangkaan yang dibekalkan di atas perkiraan angka-angka seperti itu adalah juga dimasukkan.

- (b) Baru-baru ini, dengan kerjasama dari pihak Kementerian saya, sebuah badan jentera telah ditubuhkan di Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dengan harapan dapat menyebarkan pekerja-pekerja yang diberhentikan itu ke perusahaan-perusahaan baru atau

yang sedang mengembang yang memerlukan pekerja-pekerja. Dalam setengah-setengah contoh, majikan-majikan menggunakan daya inisiatif mereka sendiri bagi mendapatkan pekerjaan yang lain bagi pekerja-pekerja mereka yang terpaksa diberhentikan.

- (c) Oleh kerana perkara ini baru berlaku dalam perusahaan-perusahaan, maka pada masa ini belum ada langkah-langkah untuk melatih mereka yang telah dibuang itu. Walau bagaimanapun Kerajaan akan menimbangkan perkara ini pada masa-masa hadapan.

BIASISWA KEPADA PELAJAR—MENARIK BALIK

58. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan jaminan Kerajaan supaya berhenti daripada menarik balik biasiswa-biasiswa pelajar-pelajar universiti tetapi melantik sebuah jawatankuasa Parlimen yang disertai oleh semua parti untuk mengkaji latar-belakang yang mengakibatkan demonstrasi-demonstrasi pelajar-pelajar pada tahun lalu, serta menganalisisan sebab-sebab dan issue-issunya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan telah memutuskan supaya tindakan diambil untuk menarik balik biasiswa yang telah diberi kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam demonstrasi pelajar pada tahun lalu. Tindakan ini diambil kerana pelajar yang terlibat dalam demonstrasi tersebut telah melanggar syarat-syarat perjanjian biasiswa yang telah ditanda-tangani oleh mereka dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sekarang ini tindakan sedang diambil supaya pelajar-pelajar yang terlibat itu diberitahu tentang tujuan Kerajaan hendak menarik biasiswa mereka dan pelajar-pelajar itu dipinta menunjuk sebab-sebab kenapa Kerajaan tidak patut berbuat demikian dalam tempoh dua minggu mulai tarikh penerimaan notis Kerajaan itu. Pelajar-pelajar itu juga dikehendaki hadir dalam suatu temuduga di hadapan Lembaga yang dilantik oleh badan-badan penaja khusus untuk masaalah ini, dan selepas itu pelajar-pelajar yang didapati terlibat secara serious akan ditarik balik biasiswa mereka; dan bagi yang lain biasiswa mereka akan diberi balik kepada mereka itu tetapi atas syarat-syarat perjanjian tambahan yang baru.

Memandangkan tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi maka tidaklah perlu bagi Kerajaan untuk melantik sebuah jawatankuasa Parlimen yang dianggotai oleh semua parti untuk mengkaji soal ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kemajuan Petroliam, 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN GETAH

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Getah Malaysia (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958, Akta Instituit Penyelidikan Getah Malaya, 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 dan Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN AHLI FARMASI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi, 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG WANG YANG TAK DITUNTUT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Wang Yang Tak Dituntut, 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG- UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEGAWAI- PEGAWAI ANAK NEGERI (ELAUN DAN GANJARAN PERSARAAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Akta Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun Persaraan dan Ganjaran), 1963 bagi mengecualikan seseorang pegawai anak negeri yang dilantik ke perkhidmatan Ketua Masyarakat daripada menerima sesuatu elaun Persaraan atau Ganjaran di bawah Ordinan tersebut bagi tempoh ia berkhidmat di dalam Perkhidmatan Ketua Masyarakat. Ini ialah kerana seseorang pegawai yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Ketua Masyarakat dikehendaki menaruh kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja, dan dengan itu pindaan perlu dibuat kepada Ordinan tersebut di atas supaya seseorang Pegawai Anak Negeri yang dilantik tidak akan menerima faedah berganda (double benefits). Ditegaskan bahawa walaupun tempoh perkhidmatan di dalam Perkhidmatan Ketua Masyarakat dikecualikan daripada kiraan untuk mendapat faedah-faedah persaraan di bawah Ordinan Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan), 1963. Tempoh tersebut diambil kira sebagai tempoh perkhidmatan yang melayakkan bagi mendapat faedah-faedah tersebut bagi perkhidmatan sebagai Pegawai Anak Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Rang Undang-undang bertajuk “Akta Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan), 1963 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.42 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) (Pindaan) yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri di dalam Dewan ini sekarang.

Berkenaan Perkhidmatan Ketua Masyarakat seperti yang terdapat di negeri Sarawak sekarang iaitu Temenggung, Pemanca dan Penghulu yang mendapat elaun bulanan yang agak lumayan juga jika dibandingkan sebelum Sarawak masuk Malaysia lebih kurang 10 tahun dahulu, dan Perkhidmatan Ketua Masyarakat seperti yang saya ketahui adalah tertakluk kepada lantikan Governor dan begitu juga tempoh masa perkhidmatan mereka. Oleh itu, memang kena pada tempatnya Ketua-ketua Masyarakat mencarum ke dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja seperti yang dikehendaki oleh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sama-sama ketahui pegawai-pegawai Anak Negeri atau sebagai Ketua Masyarakat adalah tidak kurang pentingnya kepada Kerajaan mahupun kepada rakyat lebih-lebih lagi bagi rakyat di luarbandar seperti terdapat di kawasan luarbandar negeri Sarawak di mana yang jauh daripada pejabat-pejabat Kerajaan serta tidak ada kemudahan perhubungan pada masa ini. Maka Ketua Masyarakat adalah orang yang pertama ditemui oleh rakyat di bawah kawasan pentadbirannya untuk tempat rakyat memberi segala aduan baik perkara kecil sehinggalah kepada perkara jenayah. Oleh yang demikian, tugas dan tanggungjawab seorang Ketua Masyarakat bukan sahaja sebagai Ketua Masyarakat, bahkan ianya juga boleh menjadi mata dan telinga kepada pihak Kerajaan. Saya percaya tiap-tiap Ketua Masyarakat yang dilantik itu adalah orang yang boleh bertanggungjawab kepada Kerajaan dan dapat memberi keyakinan kepada rakyat di bawah kawasan

tadbirannya. Kadang-kala Ketua Masyarakat diberi kuasa untuk membicarakan perselisihan dan satu-satu adat resam suku kaum tertentu di Sarawak mengikut kawasan pentadbiran masing-masing. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan kepada pihak berkenaan tiap-tiap Ketua Masyarakat yang berkhidmat dengan cemerlang selama lebih daripada 20 tahun hendaklah diberi satu tanda kehormatan oleh Kerajaan. Misalnya, seperti rencana kerja lama atau sebagainya yang mana berpatutan. Saya berpendapat dan mengesyorkan Ketua Masyarakat yang menerima elaun lebih daripada \$200 sebulan patut juga diberi kemudahan meminjam wang Kerajaan (Government loan) untuk membeli enjin sangkut dan motosikal yang berharga tidak lebih daripada \$1,500 untuk kegunaan mereka menjalankan tugas sebagai Ketua Masyarakat, lebih-lebih lagi seperti Ketua Masyarakat yang diam di hulu-hulu sungai dan berjauhan daripada bandar di negeri Sarawak yang patut diberi perhatian oleh pihak yang berkenaan. Saya juga mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan jika terdapat Ketua Masyarakat yang mendapat elaun bulanan sebagai Penghulu atau sebagainya tidak seharusnya diberi tugas sebagai salah seorang daripada Pasukan Keselamatan atau sebagainya di bidang pertahanan yang mendapat gaji dan elaun bulanan yang tertentu, kerana ini boleh melemahkan tadbirannya sebagai Ketua Masyarakat yang tanggungjawabnya di kawasan yang tertentu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.46 ptg.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit Rang Undang-undang yang dibawa ke dalam Dewan ini. Sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai pilihan Penghulu ataupun Ketua Masyarakat.

Dahulu di Negeri Sarawak, semasa Rajah Brooke dahulu, Penghulu ataupun Ketua Masyarakat ini dipilih oleh Rajah Brooke supaya mempertahankan maksudnya, kemahuannya ataupun supaya dia dapat melakukan kehendaknya untuk terus menjajah Negeri Sarawak, bukan mengikut syarat-syarat yang diinginkan oleh rakyat. Begitu juga di dalam masa penjajah British di Negeri

Sarawak dahulu appointment ataupun pemilihan Ketua-ketua Masyarakat dibuat secara "election" yang mana telahpun diturut oleh pemerintah Negeri Sarawak di bawah pemerintahan Alliance Government pada masa itu dan juga dalam masa beberapa tahun yang sudah lampau perkara ini telahpun dibuat di negeri Sarawak serta mengikut cara "election".

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan menentang Rang Undang-undang ini, saya adalah menyokong. Saya hendak sentuh dalam Dewan ini mengenai peraturan yang saya sebutkan tadi iaitu perkara appointment Ketua Masyarakat itu

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang ini ialah hendak meminda Ordinan Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan) 1963. Jadi tak boleh hendak dibawa perkara yang luar daripada apa yang di hadapan kita. Kalau hendak bercakap mengenai aturan dan cara pilih-memilih itu terkeluar daripada Rang Undang-undang ini.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara yang saya anggap penting. Perkara yang saya hendak menyentuh itu mengenai Ketua Masyarakat. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan Malaysia memperbaiki sekim gaji mereka ini adalah sesuai ataupun adalah layak bagi seseorang pemimpin ataupun Ketua Masyarakat. Pada masa ini kami mengetahui syarat-syarat dan Sekim Gaji bagi Ketua Masyarakat ini telah diselidiki dengan begitu jelas oleh pihak Kerajaan.

Apa yang saya minta daripada pihak Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, supaya arahan yang tegas hendaklah dilancarkan di mana-mana tempat bukan sahaja di Negeri Sarawak bahkan di Semenanjung Malaysia pun kerana pemimpin-pemimpin ataupun Ketua Masyarakat sekarang telah mendapat gaji yang begitu baik untuk pekerjaan mereka haruslah tugas dan tanggungjawab, iaitu mengenai hal administration di dalam kawasan mereka sendiri haruslah dijalankan dengan lancar, oleh kerana pada masa ini kebanyakan penghulu dalam kawasan saya mereka itu bukan begitu tegas ataupun begitu rajin menjalankan tugas mereka, kebanyakan tanggungjawab mereka semata-mata bergantung kepada tuan rumah ataupun Ketua Kampung. Perkara ini haruslah

diambil tindakan yang tegas juga oleh Kerajaan Malaysia supaya sikap pemimpin-pemimpin itu sesuai dengan rentak kemajuan yang ditunaikan oleh Kerajaan untuk memperbaiki kehidupan rakyat dan golongan masyarakat yang kita kasihi di dalam negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya anggap penting juga oleh kerana sekarang gaji yang sudah dilaksanakan ataupun yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk membayarkan elaun bulanan pihak pemimpin ataupun penghulu yang bertanggungjawab di atas adat istiadat masyarakat dalam Malaysia yang mana kebanyakan berbagai-bagai adat ataupun ugama. Saya harap juga jikalau sekiranya pihak Kerajaan dapat membuat macam annual conference bagi pemimpin-pemimpin, iaitu Ketua Masyarakat supaya mereka dapat bertukar fikiran, bukan hanya satu Ketua Masyarakat itu mengetahui keadaan masyarakatnya sendiri ataupun bangsanya (race) sendiri bahkan dia juga harus diberi peluang supaya dia dapat mengetahui keadaan di dalam golongan yang lain juga.

3.53 ptg.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kerana mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mukah dan dari Baram dan segala apa yang diperkatakan tadi untuk mencapai kebaikan bagi rakyat kita akan diambil perhatian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Pengerusi, Rang Undang-undang yang dibincangkan ini ialah mengenai pindaan kepada Ordinan berkenaan Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun Persaraan dan Ganjaran), 1963. Pindaan tersebut hanya berkenaan dengan kedudukan Pegawai-pegawai Anak Negeri

yang dilantik ke Perkhidmatan Ketua Masyarakat dan dari itu Rang Undang-undang ini ialah mengenai Perkhidmatan Ketua Masyarakat. Walau bagaimanapun, syor-syor yang dibangkitkan itu adalah pindaan. Pindaannya adalah seperti yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pindaan

DALAM tajuk panjang, tajuk pendek, Fasal 2 dan Huraian gantikan perkataan-perkataan “(Elaun dan Ganjaran Persaraan)” dengan perkataan-perkataan “(Elaun Persaraan dan Ganjaran)”.

Amendment

IN the long title, short title, Clause 2 and Explanatory Statement substitute for the words “(Elaun dan Ganjaran Persaraan)” the words “(Elaun Persaraan dan Ganjaran)”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 1 hingga 3 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDASTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.58 ptg.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk menubuhkan suatu pihak berkuasa yang tunggal iaitu Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Standard and Industrial Research Institute of Malaysia) ringkasnya SIRIM bagi menggantikan, mengambil alih dan meneruskan tugas-tugas Pusat Piawaian Malaysia (SIM) dan Institiut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara (NISIR).

Dengan adanya satu pihak berkuasa yang tunggal ini iaitu SIRIM dapatlah kita memusatkan aktiviti-aktiviti yang dahulunya dijalankan oleh SIM dan NISIR kedalam satu tenaga professional dan pentadbiran yang lebih berkesan dan menguntungkan. Pada masa ini SIM dan NISIR mempunyai seramai kira-kira 66 orang kakitangan professional. Di bawah SIRIM tenaga professional ini dapat memberi perkhidmatan yang seluas-luasnya di samping menghadapi masaalah "over specialization" dan "compartmentalization". Langkah ini sudah tentu dapat menjimatkan perbelanjaan di dalam pembelian alat-alat kelengkapan.

Dengan tertubuhnya SIRIM Perbadanan ini dapat menggunakan sepenuhnya alat-alat kelengkapan yang ada pada SIM dan NISIR untuk sesuatu projek bersama. Dalam bidang ini SIRIM akan mencipta beberapa buah mesin pertanian kecil yang boleh digunakan untuk perusahaan agro-based bagi membantu rakyat jelata menambah hasil pertanian mereka lebih-lebih lagi dalam masa Kerajaan sedang giat melancar dan mencapai matlamat Rancangan Buku Hijau.

Saya juga suka menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Rang Undang-undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan.

Saya suka menerangkan serba sedikit tentang Rang Undang-undang ini yang mana tugas-tugas SIRIM adalah pada keseluruhannya gabungan tugas-tugas SIM dan NISIR. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini dan tertubuhnya SIRIM maka perlu SIM dan NISIR dibubarkan dan Akta-akta yang berkuatkuasa sekarang ini dimansuhkan, iaitu Akta Piawai, 1966 dan Akta (Perbadanan) Instituti Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara 1971.

Di bawah Rang Undang-undang ini, suatu Majlis yang dinamakan Majlis SIRIM yang mengandungi seramai 24 orang ahli akan ditubuhkan. Majlis SIRIM bertanggungjawab terhadap dasar pengurusan hal ehwal SIRIM.

SIRIM akan mempunyai seorang Pengawal yang menjadi Ketua Pentadbir Perbadanan ini dan juga menjadi Timbalan Pengerusi Majlis SIRIM.

Oleh kerana SIRIM akan menjadi sebuah badan yang besar maka untuk melicinkan perjalanan pentadbiran adalah mustahak

tugas-tugas itu diuruskan oleh beberapa buah Jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Piawai. Lain-lain jawatankuasa boleh ditubuhkan apakala difikirkan perlu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak memanjangkan ucapan saya kerana butir-butir lanjut boleh didapati di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada kali keduanya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

4.03 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah memperkenalkan Bill ini. Saya mesti menyatakan bahawa Bill ini amatlah menggalakkan memandang kesannya yang berpanjangan. Di dalam sebuah negara yang membangun seperti negara kita adalah menjadi tugas bagi sebuah Kerajaan yang baik untuk memastikan barang-barang pengeluaran perindustriannya setanding dengan pengeluaran-pengeluaran yang dibuat dari lain-lain tempat. Memandang kepada hakikat ini maka Standard Institute of Malaysia telah diwujudkan untuk menguji barang-barang pengeluaran tempatan dan menilai mutu-mutu perbuatannya. Perkembangan perindustrian Malaysia yang berjalan dengan pesatnya dan barang-barang pengeluaran pembuat-pembuat tempatan kita memerlukan pengujian pada tiap-tiap masa supaya mutu barang-barang pengeluaran dari negara kita dapat dikekalkan.

Perkara ini dilakukan bukan hanya untuk memuaskan hati pihak institusi sahaja tetapi adalah untuk menyakinkan pihak pengguna-pengguna dan pengimpot-pengimpot bahawa mutu pengeluaran kita adalah sama dengan yang lain-lain.

Pengeluaran barang-barang Malaysia hanya akan diminati ramai sekiranya mutu pengeluaran itu dapat dikekalkan. Setelah kita ketahui bahawa banyak pembuat-pembuat curut menyertai usaha-usaha yang dijalankan oleh SIM, tetapi suka saya menegaskan

di sini bahawa perkara ini hendaklah di-mestikan (compulsory) bagi tiap-tiap pembuat atau pengeluar diuji akan barang-barang pengeluarannya sebelum ianya diedarkan samada barang-barang makanan, bahan-bahan kimia, bahan-bahan kejuruteraan atau apa-apa juga barang-barang yang dibuat di sini mestilah diselaraskan (standardise). Orang ramai hendaklah diajar atau diberi penerangan supaya mereka membeli barang-barang buatan pembuat-pembuat yang boleh dipercayai dan pembuat-pembuat yang telah diluluskan. Sesudah penubuhan yang berjaya, Tuan Yang di Pertua, sekarang kita memandangkan ke arah penubuhan SIRIM. Saya berasa sukacita atas tujuan baik Kerajaan menubuhkan satu badan berkuasa yang tunggal bagi menjalankan fungsi-fungsi dua institusi yang lepas.

Satu lagi perkara yang amat menarik yang dapat kita perhatikan bahawa berikutan dengan penubuhan SIRIM, Kerajaan tiada terlibat dalam perbelanjaan tambahan. Telah banyak perindustrian tumbuh dalam masa dua puluh tahun yang lepas. Beribu-ribu jenis pengeluaran digunakan setiap hari tanpa mengetahui mutunya dari barang-barang makanan hingga membawa kepada perkakas-perkakas rumah dan saya yakin pada masa hadapan semuanya akan kita buat di dalam negara kita sendiri. Inilah masa yang perkara-perkara yang merbahaya akan timbul sekiranya ia tidak diberikan perhatian. Minat terhadap barang-barang pengeluaran asing masih ada di kalangan kebanyakan orang-orang Malaysia, bukan kerana mereka memintanya tetapi tahun demi tahun nama baik dan mutunya telah wujud dengan kokohnya. Barang-barang pengeluaran British misalnya adalah terkenal dengan mutunya. Cuma disebabkan tiap-tiap barang pengeluarannya telah dipastikan sebagai yang bermutu. Sebuah kilang pembuat di Great Britain sentiasa merasa megah mempamerkan barang-barang buatannya sebagai barang-barang yang diluluskan oleh British Standard Institution. Ini hendaklah dijadikan satu polisi oleh pembuat-pembuat tempatan. SIRIM mestilah mengambil inisiatif untuk memberitahu tujuan yang sebenarnya tentang wujudnya supaya ia mendapat sambutan dari pembuat-pembuat untuk menyertainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tamatkan, suka saya menegaskan bahawa SIRIM hendaklah berusaha menghantar lebih ramai lagi pegawai-pegawai ke negara-negara membangun dengan tujuan mempelajari the know-how of the Standard Institutions of the world.

4.18 ptg.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sedikit atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya seperti wakil dari Sungai Siput menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, SIRIM (Scientific Industrial Research Institute of Malaysia) ialah terdiri daripada dua pertubuhan yang ada sekarang iaitu SIM dan NISIR dan kedua-duanya telah dibatalkan. Saya hendak menegaskan bahawa oleh sebab di tanahair kita makin lama makin bertambah kilang-kilang dan pengeluaran daripada kilang-kilang ini bukan beratus-ratus bahkan barangkali beribu-ribu pengeluarannya pada tiap-tiap hari, maka perlulah kita ada SIRIM untuk menjaga mutu pengeluaran itu. Kalau sekiranya kita tiada perbadanan yang benar-benar boleh menjaga mutu atau standard pengeluaran daripada kilang-kilang yang ada di tanahair kita, maka rakyat tidak boleh percaya akan pengeluaran daripada kilang-kilang tersebut.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this is very important because apart from the things for ordinary household uses, we are also going into the production of drugs, food and the like. Unless we are very careful with standards, the day may come when we may be selling sub-standard drugs which may do more harm than good to the purchasers of the goods from our factories.

In the Explanatory Notes, Mr Speaker, Sir, we are told that "the functions of the new authority, SIRIM, will be substantially a combination of those of SIM and NISIR, with the omission of scientific research in its broad sense, which is one of the twin functions of NISIR, the other being industrial research." Mr Speaker, Sir, I want to ask the

Honourable Minister what would happen to scientific research in this country with the demise of NISIR. In this House, I have advocated time and again the establishment of a Scientific Research Council with as little representation from the Government as possible and with as little interference from Government as possible so that research in its broad sense can be conducted with autonomy and freedom to the betterment of society in this country. I have also advocated that the Government or the Prime Minister should appoint a Scientific Adviser because science and technology these days are very much a part of the modern life that unless we have a Scientific Research Council and unless the Prime Minister has a Scientific Adviser, science in its broad sense will suffer, particularly with the demise of NISIR.

Mr Speaker, Sir, I just want to make a few comments on the composition of the Council. On page 9 in the English version, we are given the composition of the Council of SIRIM and I must say it is a very big and unwieldy Council but since there is provision for an Executive Council, which I shall come to later, perhaps it is understandable. What I want to ask the Honourable Minister is in relation to Clause 7 (1) (a) where there is provision for a Chairman of the Council. As I read through the Bill itself, I find that there is no further reference to the Chairman. Is the Chairman going to be nominated by the Minister? Nowhere is it stated in the Bill that he is to be nominated by the Minister, or he is to be elected by the Council itself. Again nowhere is it mentioned that he should be elected. A clarification from the Minister, when his turn comes to reply, will be greatly welcomed by me.

Likewise, Mr Speaker, Sir, on page 12, there is this curious reference to a proxy vote. I submit, Mr Speaker, Sir, that if a member of this Council is unable to attend and particularly if he is unable to attend for three consecutive meetings of the Council, then *ipso facto* he should be removed from the Council and this business of a proxy vote in addition to his own vote will lead to abuses. I do hope that the Honourable Minister will take cognizance of the fact that this is the first time—I think I am right in saying it—that in a Government Bill a proxy vote is being given to a representative.

The other thing, Mr Speaker, Sir, on page 14, there is mention of an Executive Council. Again, I would like to have a clarification from the Minister on how big the Executive Council is going to be and how it is going to be established. Nowhere in the Bill is there any mention of the size of the Executive Council nor the manner in which it should be formed. It is only said and I quote here, Mr Speaker, Sir, Clause 19 (1) (a);

“The Council shall consist of the Chairman, who shall be Chairman of the Executive Committee, and such other members of the Council as the Council thinks fit.”

Likewise, we are told that there are two Standing Committees known as the Finance Committee and the Standards Committee. Again the manner in which they should be established is not clearly spelt out and this is regrettable because it may lead to wrangling and abuses when the time comes to appoint such Standing Committees. Normally, it is clearly spelt out—I can speak with confidence—in the University of Malaya Council, for example, if that can be a model, the size of the Council is clearly spelt out and how it is to be formed; the members of the Standing Committee, for example the Finance Committee, are elected by members of the Council of the University of Malaya. Then it would be very clear and there would be no ambiguity and it would not lead to any abuse and the size of it is also clearly spelt out.

Mr Speaker, Sir, I am a little puzzled by Clause 18. Clause 18 says:

“The Council may with the approval of the Minister make provision for the granting of loans to the Controller, Directors, officers, and employees of the Institute for the purchase of motor-vehicles, bicycles, or for any other purpose”.

Now this is a blanket coverage which I do not know whether the Treasury is aware of or not, the words “for any other purpose”, because they might want to have a little money to have a little flutter at the races, for example—would that come within the purview of this “for any other purpose?”—I think such a blanket approval particularly in a Bill of this nature will certainly lead to abuse if we are not careful and I do hope that the Honourable Minister will take cognizance of what I said.

The other thing, Mr Speaker, Sir, is on page 19 and I quote Clause 27 (1):

"The Council shall, not later than the 30th June of each year, cause to be made and transmitted to the Minister a report dealing with the activities of the Council during the preceding year and containing such information relating to the proceedings and policy of the Council as the Minister may from time to time require."

I do hope that the Minister will insist, when the Council of SIRIM makes a report, that there should be a Financial Report as well, properly audited preferably by the Auditor-General. I can think of SIRIM wanting to spend quite a good deal of money and this money comes from the taxpayers, so included in the Annual Report there should be a Financial Report. We hope that the Report of SIRIM will be tabled in Parliament when it is ready.

Mr Speaker, Sir, I do not wish to carry on this debate for any length of time and I do hope that the Minister will take into account the various points that I have made which, if they are implemented, will no doubt make this Bill a much better Bill and later on, this Act a much better one.

4.20 *ptg.*

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Ada satu perkara yang amat mendukacitakan iaitu berkenaan dengan nama badan yang baharu hendak ditubuhkan iaitu diberi nama mengikut Clause 3 sebagai SIRIM. SIRIM adalah perkataan Inggeris yang pendeknya ada di dalam Clause 3 iaitu acronym kepada Standards and Industrial Research Institute of Malaysia. Alangkah baiknya kalau suatu perkataan Bahasa Malaysia dapat digubal. Saya berpendapat bahawa acronym SIRIM ini sungguhpun agak sedap didengar tetapi adalah wajar kalau boleh satu perkataan ataupun cara mana hendaklah berasaskan nama baharu itu berasaskan kepada Bahasa Malaysia bukannya daripada bahasa Inggeris, lebih-lebih lagi pada masa ini adalah sedikit sebanyak tuduhan dan pandangan yang tidak berasas sama sekali yang menyatakan bahawa Bahasa Malaysia tidak boleh digunakan

sebagai bahasa pengantar di dalam ilmu sains. Ini adalah satu pandangan yang tidak berasas langsung, tetapi kalau kita masih lagi menggunakan acronym bahasa Inggeris di dalam menamakan badan-badan sains dan teknologi mungkin akan menguatkan pendapat-pendapat sepertimana yang saya telah sentuh tadi. Maka dengan yang demikian, saya suka sekali merayu sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menimbangkan hal ini, kalau boleh janganlah perkataan SIRIM ini diberi nama kepada nama itu, lebih-lebih lagi kita selalu membanggakan bahawa Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan sebagainya kerana pada pendapat saya ini adalah suatu yang dianggap penyelewengan sungguhpun tidak besar tetapi dianggap penyelewengan juga. Saya sungguh berharap supaya perkataan yang lain dapat difikirkan. Ini juga saya suka menambah bahawa oleh kerana perkara yang dibincangkan adalah perkara sains dan teknologi seberapa banyak yang boleh bahasa Malaysia hendaklah digunakan. Lebih-lebih lagi kita hendak menggalakkan orang luar bandar lebih rapat lagi kepada sains dan teknologi, dan saya percaya arah itu boleh dicapai dengan kita menggunakan Bahasa Malaysia dengan menamakan badan-badan berkanun yang ada kait-mengait dengan sains dan teknologi.

Saya sungguh-sungguh berharap dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat sekiranya menimbangkan hal ini.

4.23 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi berkaitan dengan Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia tahun 1975.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap bahawa penyatuan dua badan SIM dan NISIR adalah satu langkah yang bijak dan haruslah dipuji kerana lebih mendatangkan kesan di dalam penyelidikan yang akan dijalankan oleh badan ini pada masa yang akan datang. Ini pula sesuai dengan kehendak kita sekarang ini agar rakyat dalam negeri ini lebih banyak mengeluarkan bahan-bahannya sendiri sama ada makanan dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak badan yang dinamakan SIRIM walaupun wakil dari Sepang tidak begitu bersetuju, saya pun bersama dengan Ahli Yang Berhormat itu kurang bersetuju dengan penggunaan ringkas SIRIM di dalam bahasa Inggeris yang mana adalah lebih baik digunakan Bahasa Malaysia. Tetapi walau bagaimanapun, saya rasa badan ini dari segi konsep ataupun tujuannya adalah semata-mata untuk menggalakkan penubuhan pengusaha-pengusaha yang lebih moden sebagaimana yang akan dijalankan penyelidikan oleh pihak SIRIM.

Saya rasa keadaan sekarang rakyat dalam negara kita yang berkehendakkan perusahaan-perusahaan sendiri hasil galakan yang diberi oleh pihak Kerajaan, tetapi setengah di antara mereka tidak mengetahui tentang bagaimana cara untuk menjayakan projek mereka dengan kadar yang mereka ada, iaitu dengan wang yang sedikit, dengan tenaga yang lemah tetapi niat mereka untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan itu tetap ada dan saya rasa SIRIMlah yang akan menolong mereka pada masa yang akan datang bagi menghasilkan kehendak-kehendak rakyat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana masa yang lalu kejayaan-kejayaan telahpun ditunjukkan oleh pihak NISIR dalam mengenaldikan hal ini dengan mengadakan penyelidikan dan saya rasa pada masa akan datang akan lebih banyak lagi. Cuma yang ingin saya sebutkan ialah tentang penyebaran agar orang ramai khususnya rakyat tahu menggunakan badan ini untuk kepentingan mereka, kerana sekarang ini kebanyakan daripada mereka tidak tahu bahawa SIM dan NISIR adalah satu badan yang dapat menolong usaha-usaha rakyat di kampung-kampung. Merera tidak tahu, tetapi sekarang ini dan pada masa yang akan datang akan diberi tahu kepada mereka agar mereka boleh menggunakan badan ini. Cuma yang saya hendak minta supaya badan ini menjalankan aktiviti yang lebih cergas dan pihak Kerajaan harus menolongnya dengan memberi peruntukan yang banyak sedikit sebagaimana yang kita nampak misalnya RISDA menjalankan kempen bagi menggalakkan rakyat menanam semula dan sebagainya, tetapi badan ini hanya di peringkat yang tertentu sahaja sedangkan badan ini memang mendatangkan faedah kepada orang ramai kepada rakyat yang ingin mencipta dan mengeluarkan sesuatu bagi faedah umum.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya saya sebutkan seperti di Negeri-negeri Pantai Timur banyak mengeluarkan buah temikai sekarang ini. Mereka tidak tahu bagaimana hendak menggunakan buah temikai yang begitu banyak itu. Mereka hanya boleh menjualkannya dengan harga yang murah dan saya tidak tahu samada food industry ada menjalankan penyasatannya, tetapi untuk memprosesnya sebagaimana yang dikatakan perlu dijalankan oleh SIRIM masih lagi belum ada sekarang ini. Jadi saya berharap pada masa yang akan datang akan adalah satu cara bagaimana rakyat di kampung-kampung yang menanam temikai dapat memproses bahan itu untuk dijadikan minuman dan sebagainya. Ini saya rasa tugas yang akan dijalankan dan insya Allah akan boleh dilakukan pada masa yang akan datang, cuma saya menyokong Yang Berhormat Menteri yang berkenaan agar Kerajaan dapat memberikan wang yang lebih bagi mengembangkan sayap SIRIM ini.

Tuan Yang di-Pertua, di masa yang lalu ada beberapa perkara yang kurang menyenangkan telah terjadi pada barang-barang keluaran di negara ini. Misalnya ada faktori-faktori yang kecil mengeluarkan bahan makanan, tetapi mereka tidak menaruh lebel sehingga lama mana barang ini boleh dimakan, misalnya satu tahun atau dua tahun. Mereka tidak menaruh lebel jadi kadangkadang masanya telah luput sedangkan orang ramai membeli juga barang itu. Ini akan merosakkan kesihatan dan sebagainya. Jadi kita berharap faktori-faktori ataupun orang-orang yang menjalankan perusahaan ini hendaklah menaruhkan lebel seperti sadin misalnya. Sadin ini boleh dimakan sehingga 31-12-75 lepas itu barang ini sudah rosak dan tidak boleh dimakan lagi. Saya harap perkara ini harus diambil perhatian agar tidak mendatangkan kerosakan kepada orang-orang yang menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, pernah terjadi pada masa yang lalu ada satu jenis minyak rambut dikeluarkan. Apakala mereka menggunakannya, ia mendatangkan pening kepala samada mungkin minyak rambut itu minyak rambut tipu ataupun palsu, saya pun tidak tahu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Minyak yang menghitamkan rambut atau minyak apa?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidak. Bukan menghitamkan rambut, bahkan minyak rambut biasa yang hitam hendak

dikilatkan. Tetapi apakala digunakan ianya mendapatkan pening kepala. Ini mungkin ada campuran-campuran yang tidak menyenangkan. Ramai orang mengalami pening kepala, tetapi mungkin pengaduan tidak dibuat dan perkara itu hilang begitu sahaja. Perkara-perkara seperti ini harus diambil perhatian oleh pihak SIRIM pada masa yang akan datang dan saya harap apa yang saya kemukakan itu akan dapat diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Sekianlah sahaja ucapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.32 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan di atas jayanya dapat membentuk satu perbadanan yang hendak diluluskan dalam Rang Undang-undang Instituti Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) pada hari ini.

Saya bangun di sini menyokong penuh di atas Rang Undang-undang tersebut. Apa yang kita harapkan dengan tertubuhnya perbadanan ini dapatlah Kerajaan kita mengubah sikap orang ramai khasnya yang mana di antara mereka yang masih lagi mengagungkan barang-barang yang diimport dari luar negeri. Dan dengan harapan juga perbadanan ini dapat menjalankan kuasanya yang tertentu terhadap pekilang-pekilang dan pengeluar barang-barang yang digunakan oleh orang ramai supaya dapat mengekalkan mutu pengeluarannya? Janganlah mutu itu hadnya pada suatu ketika sahaja, iaitu apabila mengeluarkan sample: mutunya baik, tetapi setelah digunakan orang ramai, mutunya telahpun jatuh. Di-harap supaya perbadanan ini akan dapat menguasai dan menjalankan tugas-tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan juga perbadanan ini dapat bekerjasama dengan persatuan pengguna ataupun yang dikatakan consumers association yang ada menjalankan usaha-usaha untuk menjaga kepentingan orang ramai dalam negara kita, dan juga dengan adanya perbadanan ini kelak dapatlah kita meninggikan imej Malaysia supaya barang-barang pengeluaran yang dibuat dalam Malaysia ini dapat pula diekspot

keluar negeri. Ini adalah satu cara yang mana barang-barang keluaran kita boleh diperkenalkan di luar negeri.

Setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya ucapkan tahniah dan terima kasih.

4.35 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would also like to take part in the debate on the Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (Incorporation) Bill and to give a few points.

The first comment I would like to make is over the question of the awarding of a standard by the Standards Institute of Malaysia during the recent campaign to encourage motor cyclists to use topi keledar or safety helmets. I am afraid the authorities concerned have caused a lot of confusion among the motor cyclists over the question of SIM labels or SIM copyrights because quite a number of them complained that they had bought quality helmets before the implementation of the exercise to enforce the wearing of safety helmets imported from outside the country and which the Government allowed to be imported and to be sold. As these helmets did not have SIM labels the poor motor cyclists were confused as to whether they had to buy new helmets and some of them did buy new helmets and therefore had to suffer a loss of quite a lot of money. I am told again that many local manufacturers of safety helmets had before the exercise to enforce the wearing of the helmets had manufactured quite a lot of helmets. Now, quite a number of them had applied for SIM copyrights but, because it had been delayed, therefore when the helmets were sold the poor motor cyclists who had bought them too had difficulties and also had to spend quite a lot of money and incurred quite a lot of loss. I hope therefore that the authorities concerned will not repeat the same mistake again. Perhaps this was because there was no proper authority over this standard because of the integration of the two departments, the SIM and the NISIR, and probably at that time there was no one authority to give proper directions over the implementation of the safety helmets exercise. I hope therefore the authorities concerned will not repeat the same mistake.

Though I agree in general with the motives of the SIRIM Act, it is regretted that while a lot of attention is paid to the Enactment, scant attention has been paid to the question of industrial safety or safety of workers. We talk so much about trying to increase productivity, of trying to increase our exports, of trying to sell our goods to other countries but we talk so little and we have not enough concern over the safety of our workers who are the people who actually produce the goods for the people of this country as well as for export to earn foreign exchange. I am therefore appalled and flabbergasted because in this Council there is no provision for a member of a Trade Union on a representative of the workers to sit on this Council who would take note of the workers' problems, of the safety in the factories, in the construction development projects and in other areas of industrial activity. Where is the representative on this Council from an approved Trade Union who would justly and courageously fight for the industrial safety of the workers? I, therefore, urge the Ministry concerned to see that a representative of a Trade Union be one of the members of the Council because there have been so many instances of industrial accidents in our factories where deaths have occurred because of machines getting out of order, explosions etc. These things must be stopped and the Ministry concerned should take note of this. What about the mines where, when there is a heavy rainfall, bunds collapse and four to ten workers are buried alive in the landslide? The construction workers work on thin scaffoldings which may collapse at any time and they could fall to their deaths hundreds of feet to the ground or come crashing to the ground. There is fire hazard in the tall buildings and hotels which are without proper safety staircases or proper fire fighting equipment. Even our workers in the airports are subject daily to the loud noise of airplanes. I am sure that by the time they come to the retiring age most of them will be half deaf. What is the protection for these people who work at airport? I therefore urge the Ministry concerned to pay more attention not just for the production of quality of goods but also for the safety of our workers.

Another point I would like to make, Mr Speaker, Sir, is on the question of exports.

We know very well that in the past year or so, in the developed countries, Japan, the European countries and America, there has been recession. In fact, the imports into these countries have dropped quite considerably and Malaysia is one of the countries that have suffered. Our trade deficits have increased and have persisted over the past few months, during the past year, and therefore to ensure that our exports can obtain markets in these countries we must see to it that the quality of the products are maintained, and not only that, that the prices of our exports are also competitive. To ensure that the quality of our products is high, I would like to say that the Bill itself will do something about this, and while we had before the Standard Institution of Malaysia as well as N.I.S.I.R., so far we are not happy over the results. I hope that with the integraton of these two bodies, active measures will be taken to see that the quality of exports is maintained or even bettered and that the prices of our goods are also competitive.

Unfortunately, despite the fact that we have been trying to industrialize for the past decade or so, the goods produced locally have not been as competitive as the goods we imported, so much so that quite a number of our local people have been subjected to high prices of locally manufactured goods. This I think is an anomaly which must be corrected. If our industries are to be encouraged to sell our exports overseas, something must be done to see that the factories find some suitable method to lowering the cost of production. In this respect, I would like to recommend to the Ministry concerned that in order to encourage private industries or private factories to lower the cost of production of goods, the private sector should also be encouraged to do research so that the goods can be produced as cheaply as possible. Probably an incentive for this would be for the Ministry to allow tax-free concession for the industries or factories to do research so as to encourage them to produce good quality goods at low prices, and if these prices are low, then it will benefit not only Malaysians but also encourage other countries to buy more from us and then we can earn more foreign exchange.

4.45 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I will be very brief on this. Lately, the Government has introduced the enforcement of SIM-approved helmets to be worn by motor-cyclists in certain major towns. There is, I am very sorry to say, a feeling in the major towns that the people in the town areas have been discriminated against *vis-a-vis* the rural people. I personally feel that the enforcement of wearing of these helmets should be enforced in the rural areas first, because accidents involving motor vehicles and which result in death usually happen in the rural areas; because of the speed and because of the narrowness of the roads and so forth, fatal accidents normally happen in the rural areas more than in town areas, that is, in the urban areas. So, I think the Government has started on the wrong footing. Either the Government should impose the enforcement in the whole country at the same time or impose it in the rural areas first, because of the number of fatal accidents in the rural areas.

It is so surprising to see that the sign boards in the major towns, particularly in Ipoh, urging the people to wear crash helmets being smeared with dirt and cow-dung because partly they feel that they have been discriminated against; and, secondly, they feel that the implementation of the law is not satisfactory because the law-abiding motor cyclists bought their helmets two or three years ago, because the former Minister for Transport threatened to enforce the law. So in accordance with the law they bought the helmets. But then at that time there were no such thing as SIM trade marks being placed on the helmets. So the law-abiding motor cyclists who bought helmets without SIM sign, without SIM marks, perhaps the imported ones, perhaps those from the local factories, they have been penalised. After the announcement of the enforcement of these helmets, a lot of these people have been arrested in Ipoh and brought to court and fined \$25 each. So these are the people who feel that they have got a very bad deal, and I think these are the people who have already smeared the sign boards in Ipoh town.

Furthermore, Mr Speaker, Sir, to alleviate the problem the Government should set up

machines in the major towns to give these law-abiding people a chance to test their helmets, the imported ones and the local ones, test them on the spot, and if they are found to be up to the standard then a sign should be put on the helmets so that they can use the helmets; otherwise they would be throwing off the helmets which may be as good or better in quality than our own locally produced helmets with SIM marks. Furthermore, I understand that certain companies have put up forged SIM signs on the helmets. But what I want to know is what the Government has done to prevent such forgeries. Helmets not up to the standards have got the SIM signs on the helmets. What steps the Government has taken to prevent forgeries? If the Government has not taken steps, then I say the whole campaign is a flop because then you will have helmets with forged SIM signs and you have helmets which are properly stamped with SIM signs together being used on the roads, so that the campaign becomes ineffective.

Therefore, I urge the Government to look into the matter and again I also urge the Government to set up machines in the major towns to test the helmets which have got no SIM signs.

4.50 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang SIRIM ini saya suka juga mengambil sedikit bahagian yang pertama selain daripada saya memberi sokongan di atas cadangan untuk menubuhkan Badan Piawaian ini, saya rasa amatlah tepat sekali Badan ini ditubuhkan dan kebetulan pula negara kita sedang giat berusaha untuk menjadikan negara kita sebagai salah sebuah negara perindustrian.

Di samping itu, di dalam perjalanan Badan ini nanti, saya suka juga mengingatkan beberapa perkara, yang pertama selain daripada tujuan yang baik yang saya sebutkan iaitu bagi menentukan ataupun menjamin mutu pengeluaran yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha atau perindustrian di dalam negara kita ini, saya bimbang dan takut di dalam perjalanan ataupun di dalam pentadbirannya nanti akan dibuat ataupun dikenakan syarat-syarat yang ketat kepada pengusaha-pengusaha ataupun perindustrian

yang telah ada ataupun yang akan ditubuhkan di dalam negara kita ini yang boleh menyebabkan satu-satu perusahaan yang hendak dibangunkan di dalam negara kita ini akan terlambat ataupun akan bertambah lambat ataupun akan dikenakan dengan syarat-syarat yang tertentu ataupun yang menyusahkan satu-satu pengusaha itu hendak membangunkan perusahaan-perusahaan di dalam negara kita ini.

Di dalam Rang Undang-undang yang dikeluarkan pada hari ini mengandungi syarat-syarat yang tertentu, saya bimbang misalnya di dalam menentukan atau di dalam perundingan misalnya ada disebutkan di sini di antara tugas-tugas itu ialah untuk merundingkan barang-barang yang dikeluarkan ataupun untuk dipasarkan ataupun barang daripada luar negeri dibawa masuk ke sini. Di dalam perundingan ataupun di dalam memperkenalkan barang yang dikeluarkan itu, saya berharap benar kepada Menteri yang berkenaan supaya mengawasi pentadbir-pentadbir yang menjaga badan ini nanti janganlah menyalahgunakan ataupun jangan membeza-bezakan di antara satu pengeluaran dengan satu pengeluaran yang lain dengan bermacam-macam syarat dan helah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam saat negara kita sedang berusaha untuk membangun dan membanyakkan perindustrian di dalam negara kita ini, walaupun kita semua berkehendakkan kepada mutu pengeluaran yang baik janganlah terlampau mengetatkan sangat syarat-syarat yang hendak dikenakan ataupun yang hendak dipenuhi oleh pihak pengeluar ataupun pengusaha-pengusaha di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan dalam mengenalkan satu-satu pengeluaran ataupun menjamin satu-satu pengeluaran yang diusahakan di dalam negara kita ini hendaklah badan ini ataupun pentadbir badan ini benar-benar bersikap adil dan saksama. Saya khuatir benar apabila tertubuhnya badan ini dan diberi kuasa, kuasa yang luas dan kuasa-kuasa yang tertentu di dalam menjalankan kuasanya itu, maka kerap kali pihak pengeluaran ataupun pihak pengusaha akan menemui dan akan menghadapi berbagai-bagai kesukaran untuk meluluskan satu-satu syarat yang tertentu yang dikenakan oleh badan-badan ini. Saya bimbang badan ini akan terjadi seperti yang demikian dan saya harap

tidak akan terjadi. Moga-moga usaha-usaha ataupun rancangan-rancangan yang hendak dibangunkan ataupun perindustrian yang hendak diusaha dan dibuka di dalam negara kita ini tidak akan jadi lambat dan tidak akan disekat akibat daripada penubuhan badan ini.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sedikit di bawah Rang Undang-undang Instituit Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) tahun 1975, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Institute has *inter alia*, the functions as mentioned in Clause 4 (a) "to promote, develop and promulgate standards for commerce and industry" etc.

(d) (iii) "encouraging the utilization of Malaysian products," and as stated in Clause 5 (b),

"promote research in relation to specifications and provide for the examination and testing of commodities, processes, and practices, and for those purposes establish such laboratories and other facilities as it thinks fit;"

Mr Speaker, Sir, in view of these objectives and functions of the Institute, I would like to highlight the problem faced by the farmers who are using fertilisers and I would draw the attention of those concerned with this Bill to study in future the following proposal and to look into the plights of those farmers who use fertilisers—the products of the factories that we have in Malaysia.

Mr Speaker, Sir, since the inflation period, the price of fertilisers has been rising and we also have the corresponding decline in the quality of the fertilisers produced. This is probably due to the scarcity of the imported elements to produce fertilisers or due to the high cost of the imported commodities concerned, but certainly the standards and the quality have been watered down in many respects. Despite this watered-down quality, apparently the price still rises; and I propose that with the new policy that is enshrined in the Green Book—and this Bill is very timely—we must see to the production of fertilisers that are good and also within the reach of poor farmers so that we can achieve

the target stipulated in the Green Book Policy. Here, I would like to suggest the following proposals:

- (1) That this Institute advise the factories producing fertilisers to predetermine the suitability of certain fertilisers before production and marketing to certain areas so that the farmers will not buy fertilisers which they will not be able to make use of because the yield will be low.
- (2) To provide with the fertilisers a standard implement or certain gadget for the farmers to dig into the soil to determine whether certain soil requires more nutrients of one kind of element or another.

This Mr Speaker, Sir, I propose with the view, as I said earlier, to see that the farmers in the rural areas do not get fertilisers which are too expensive with the quality watered down and as I said this Bill is very timely with the Green Book Policy. I do not have very much to say except to add that this Institute would do very much to help the problem in the plight of rural farmers, if it goes into seeing that the standards of fertilisers and the price of fertilisers are equitable.

5.01 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas fikiran dan teguran yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya cuba menjawab sedikit sebanyak dan kalau sekiranya saya tidak menyentuh mana-mana masaalah yang telah dikemukakan itu, saya telahpun mengambil ingatan.

Berkenaan dengan pengesyoran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput supaya diadakan latihan pegawai-pegawai untuk ke luar negeri bagi menjadikan mereka mahir dalam hal ini, memang ada cadangan dan di masa yang lepas pun sudah ada pegawai-pegawai telah dihantar ke luar negeri melalui tawarantawaran yang dibuat oleh agensi antarabangsa dan juga agensi Kerajaan kita dan Kerajaan-kerajaan luar negeri untuk melatih pegawai-pegawai kita dan ini akan diteruskan dan dengan adanya pertubuhan yang dicantum ini, kita harap boleh lagi dilipat-gandakan pegawai-pegawai kita dihantar ke luar negeri.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya digunakan compulsory bagi semua barang-barang pengeluaran mengadakan standard mark SIM di atas barang-barang pengeluaran. Pada hemat saya, negara kita pada masa ini belumlah lagi memerlukan cara paksaan atau menggunakan compulsory bagi barang-barang pengeluaran itu dikenakan tanda SIM atau SIM standard mark dengan sebab semakin ramai pihak perindustrian ataupun kilang-kilang mengeluarkan barang-barang, menghantar barang-barang pengeluarannya untuk mendapatkan SIM standard mark. Dengan sebab barang-barang pengeluaran kilang-kilang di negara kita dengan menggunakan tanda-tanda SIM ini adalah diakui oleh seluruh dunia, standard mark SIM ini telah diakui oleh negara-negara lain, jadi kalau ada standard mark SIM di atas barang-barang itu, maka sudah tentu pasarannya di luar negeri adalah bagus. Jadi dengan sendirinya pengilang-pengilang tempatan itu akan menghantar barang-barangnya untuk ditest dan diberi tanda SIM standard mark. Juga adalah menjadi cadangan bagi pihak Perbadanan yang baru ini untuk memperkenalkan dengan seluasluasnya pada pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha perindustrian dalam negara kita, SIRIM yang akan diluluskan dalam Parlimen ini akan diberitahu kepada orang ramai dan kepada pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha khususnya supaya mereka berdamping rapat dengan SIRIM dan juga bagi pihak SIRIM akan seberapa boleh mendampingi pegawai-pegawainya kepada perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan besarnya Jawatankuasa Kerja SIRIM yang akan dilantik oleh Majlis. Majlislah akan menimbang berapa ramai sepatutnya diadakan ahli dalam Jawatankuasa Kerja dan saya percaya Jawatankuasa Majlis ini "to be functional" dan menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna sudah tentu pihak Majlis akan melantik bilangan ahli seberapa kecil yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan berkenaan dengan cadangan sepatutnya ada pertubuhan yang dinamakan "Scientific Research Council" yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Sebenarnya memang ada satu cadangan dari Kerajaan untuk menubuhkan satu "National Scientific Council" dalam negara kita tetapi perkara ini

masih lagi dalam rancangan dan perkara ini akan dibentangkan kepada Kerajaan dan perbincangan selanjutnya akan diadakan pada masa hadapan.

Berkenaan dengan perlantikan Ahli-ahli dalam Majlis SIRIM ini semuanya akan dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab dan juga perlantikan Pengerusinya juga akan dilantik oleh Menteri mengikut Fasal 7 (2) dalam Bil ini, demikian juga ahli-ahli lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga ada meminta penjelasan berkenaan dengan Fasal 18 dalam Bil ini iaitu berkenaan dengan pinjaman wang kepada pekerja-pekerja dalam SIRIM. Memang ada perkataan "for any other purpose" tetapi mengikut amalan "any other purpose" ini biasanya untuk pinjaman membeli rumah dan tanah. Jadi "for any other purpose" mengikut amalan ialah untuk membeli tanah dan rumah bagi pekerja-pekerja dan memang semasa menyediakan Bil ini ada Wakil daripada Perbendaharaan Malaysia dan pihak Perbendaharaan tak ada halangan mengenai perkataan "for any other purpose" itu, tetapi sudah tentu Majlis akan menggunakan kuasanya berkenaan dengan memberi pinjaman itu dan saya boleh memberi jaminan kepada ahli-ahli Yang Berhormat bahawa wang ini tidak diberikan pinjaman kepada pekerja-pekerja dengan tidak tentu sebabnya, dan sebab-sebab itu sudah tentu yang menasabah sahaja yang akan diberi pinjaman kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong meminta supaya Annual Report kepada Parlimen ini dibentangkan bersama-sama dengan Statement of Account. Saya mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini. Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengesyorkan supaya perkataan SIRIM ini diubah dengan menggunakan perkataan dalam Bahasa Kebangsaan. Memang ini telah dipertimbangkan oleh pihak Kementerian dan saya sendiri juga, tetapi Perbadanan ini adalah satu Perbadanan yang akan berhubung rapat dengan negara-negara lain sehingga peringkat antarabangsa dan Perbadanan ini juga akan menjadi ahli "International Standard Institute" dan perhubungan sentiasa ada dengan negara-negara lain. Jadi untuk memperkenalkan Instituti ini maka perkataan ringkas SIRIM itu dipergunakan. Walau macam manapun,

pengesyoran ini akan diberi pertimbangan di masa-masa akan datang sekiranya wajar diubah nama ini. Dan juga SIRIM akan menjadi badan yang bergabung dengan badan-badan yang sama di negara-negara lain. Dengan ini mutu-mutu barang-barang pengeluaran yang disahkan oleh SIRIM untuk eksport dan sebagainya akan diketahui oleh seluruh dunia dan oleh negara-negara lain.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengesyorkan supaya Kementerian ini meminta peruntukan yang lebih banyak. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepadanya. Tentang kewangan, Kementerian ini memang bercadang untuk hendak memperkenalkan perbadanan ini dan untuk hendak memperkenalkan mutu pengeluaran barang-barang maka ianya memerlukan banyak sebaran-sebaran am dan memang ada cadangan untuk disebar dan dihebahkan kepada orang ramai melalui penyebaran risalah-risalah, tayangan gambar, melalui talivisyen, radio, mengadakan dailog dengan orang ramai, ajensi-ajensi Kerajaan seperti Perbadanan-perbadanan Iktisad Negeri iaitu SEDC, Perbadanan Kemajuan Negeri dan cara-cara lain yang difikirkan sesuai. Ini memerlukan peruntukan yang agak besar juga dan Kementerian ini akan beriktihar supaya Kerajaan akan menambahkan peruntukan dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga menyebut berkenaan dengan tembikai supaya dikaji untuk dimakan dengan lebih luas lagi selain daripada yang kita makan sehari-harian sekarang. Memang ini dalam kuasa perbadanan yang lain iaitu Perbadanan Teknologi Makanan ataupun dalam bahasa Inggeris Food Technology yang sekarang sudah dicantumkan dengan MARDI dan saya percaya pihak badan yang membuat kajian dalam soal makanan ini sudah dan sedang mengkaji berkenaan dengan tembikai dan juga makanan-makanan yang lain.

Juga telah disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun berkenaan dengan label yang ada di luar tin untuk ditentukan berapa lama tahannya makanan itu, setakat tarikh mana makanan yang ada ataupun kandungan yang ada dalam tin itu boleh dimakan. Ini saya percaya pihak perbadanan yang mengkaji makanan-makanan itu akan menentukan ataupun akan mengambil perhatian atas pengesyoran daripada Ahli Yang Berhormat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengesyorkan supaya mutu pengeluaran barang-barang kita ini bukan setakat sample-sample yang dihantar kepada SIM bagi dibubuh tanda standard mark bahkan semua barang-barang pengeluaran kilang. Ini memang sudahpun diamalkan. Pihak SIM sentiasa ada pegawai-pegawai menyiasat barang-barang pengeluaran yang dijual di pasar-pasar dan di gudang-gudang dan juga pihak Persatuan Pengguna Barang-barang kadang-kadang menghantar barang-barang pengeluaran kepada SIM untuk ditentukan berkenaan dengan mutu dan didapati setakat hari ini mutu-mutu yang sudahpun ada tanda SIM ini didapati mengikut standardnya.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam majlis SIRIM ini akan juga ada wakil daripada Persatuan Pengguna-pengguna. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga bimbang takut tak ada diwakili oleh pihak pengguna-pengguna. Dengan adanya wakil daripada Persatuan Pengguna ini, saya percaya SIRIM ini dapat menimbangkan berkenaan dengan masalah-masalah yang dikeluarkan atau dikemukakan oleh Persatuan Pengguna-pengguna.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban menyentuh berkenaan dengan topi keledar yang telah dibeli oleh pengguna-pengguna sebelum keluarnya topi-topi keledar tempatan yang memakai standard mark daripada SIM, dan ini menyebabkan kerugian yang banyak oleh mereka yang telah membeli. Kita rasa dukacita atas perkara ini, tetapi dengan sebab adanya undang-undang, oleh sebab pengguna-pengguna sendiri memikirkan patut menggunakan topi keledar yang diakui kuat oleh SIM maka ramailah pengguna-pengguna membeli topi keledar yang ada bertanda SIM ini.

Ahli Yang Berhormat itu menyentuh juga berkenaan dengan industrial safety ataupun safety of workers, keselamatan pekerja-pekerja dalam kilang-kilang. Ini memang luar daripada bidang kuasa perbadanan yang kita hendak tubuhkan ini. Sebagaimana kita mengetahui, keselamatan perusahaan dan juga keselamatan pekerja-pekerja dalam kilang-kilang ini adalah di bawah kawalan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan terletak di bawah kawalan Pejabat Pemeriksa Jentera-jentera yang selalu mengawasi berkenaan dengan keselamatan di dalam kilang-kilang. Ini saya rasa luar daripada Bil yang kita sedang bincangkan pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ada menyentuh juga berkenaan dengan enforcement bagi safety helmet, topi keledar ini. Sepatutnya kata beliau ialah diadakan di luar bandar dahulu. Pada hari kelmarin, Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan satu soalan tetapi malangnya Ahli Yang Berhormat itu tidak hadir semasa jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan dan soalan yang sama seperti beliau telah dikemukakan. Saya jemput Ahli Yang Berhormat itu supaya membaca jawapan yang telah diberi pada hari kelmarin. Topi keledar ini memang sudahpun diuji oleh pihak SIM dan manamana topi keledar yang difikirkan tidak layak patutlah dihantar terus kepada SIM ataupun SIRIM yang akan ditubuhkan selepas kita luluskan Undang-undang ini supaya dikaji dari semasa ke semasa kiranya didapati ada yang ditipu, tanda-tanda itu ditipu, adalah diharap pihak-pihak pengguna dan manamana pihak sahaja jika didapati perkara ini berlaku maka patutlah mereka bekerjasama supaya menghantar dan mengambil perhatian perbadanan SIRIM ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus meminta supaya Kementerian ini mengawal pegawai-pegawai SIRIM supaya tidak menyalahgunakan kuasa. Insya Allah, pihak Kementerian saya ini sentiasa akan mengawal ataupun memberi pengawasan yang rapi berkenaan dengan pegawai-pegawai SIRIM dan beliau mengesyorkan supaya pihak perbadanan ini tidak akan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap barang-barang pengeluaran daripada kilang-kilang dalam negara kita. Ini terpaksa pihak SIRIM akan menjaga berkenaan dengan mutu barang-barang pengeluaran supaya pengguna-pengguna tidak akan terkena tipu dan juga barang-barang pengeluaran kita ini hendak dihantar keluar negeri, oleh itu hendaklah kita sentiasa mengawal mutu-mutu barang supaya tinggi. Jadi untuk hendak memperlonggarkan itu, rasa saya tidaklah sesuai dan tidak menasabah kerana sudah tentu kalau mutu barang kita tidak bagus, maka pasaran luar negeri tidak begitu dapat sambutan yang baik. Jadi dengan sebab ada pertandingan yang hebat dengan negara-negara lain, maka kita hendaklah sentiasa menjaga mutu-mutu barang-barang keluaran dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu menyentuh berkenaan dengan harga fertiliser sangat mahal. Sebagaimana kita ketahui,

Kerajaan telah memberi subsidi fertiliser untuk menolongkan peladang-peladang dalam negara kita. Perkara ini memang luar daripada Bill yang kita bincang pada hari ini, tetapi berkenaan dengan mutu fertiliser ini memang juga mendapat perhatian daripada pihak SIRIM yang akan diperbadankan selepas Bill ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan, dan kalau sekiranya ada yang saya tidak jawab itu, saya memang mengambil perhatian dan saya akan laksanakan mana-mana pengesyoran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 50 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEN- DAFTARAN BERANAK DAN MATI (PINDAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan), 1975" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sijil beranak adalah salah satu daripada dokumen-dokumen yang penting dalam kehidupan seseorang kerana ianya merupakan satu dokumen asas untuk membuktikan taraf kewarganegaraan sese-

orang itu. Selain dari itu, dokumen ini adalah sangat diperlukan untuk kegunaan pendaftaran masuk sekolah, pendaftaran kad pengenalan, permohonan pekerjaan, permohonan paspot dan sebagainya. Manakala sijil mati pula ianya adalah diperlukan dalam maksud tuntutan pembahagian harta pesaka, Kumpulanwang Simpanan Pekerja dan lain-lain. Dengan yang demikian, satu rekod berkaitan dengan kelahiran-kematian adalah sangat perlu dijaga dengan rapi untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang pemalsuan, salah guna dan sebagainya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung-jawab daripada penggunaannya.

Berasaskan kepada pengalaman dalam melaksanakan berbagai-bagai peruntukan di bawah Ordinan Sijil Beranak dan Mati, 1957 yang dipakai sekarang adalah didapati bahawa beberapa pindaan perlu diperbuat kepadanya untuk mengemas dan melancarkan lagi pentadbiran dari segi keselamatan sijil-sijil beranak dan mati di samping memberikan kemudahan kepada rakyat untuk membuat pendaftaran kelahiran dan kematian. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, antara lain, membekalkan peruntukan untuk mengadakan daftar pendua beranak dan mati secara micro-film supaya rekod-rekod dapat dipelihara dengan selamat dan disimpan berasingan daripada yang digunakan sehari-hari, kerana pada masa ini hanya satu daftar sahaja yang ada tersimpan di Ibu Pejabat Pendaftaran Petaling Jaya. Selain dari itu, pindaan-pindaan ini juga akan memberi kuasa untuk melantik Pendaftaran-pendaftaran Beranak dan Mati lebih dari seorang bagi satu-satu kawasan dan tidak hanya seorang pendaftar bagi satu-satu kawasan seperti yang berjalan sekarang ini.

Pendaftaran-pendaftaran boleh dilantik bukan sahaja daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam bahkan juga daripada khalayak bukan daripada Perkhidmatan Awam. Dengan bertambahnya bilangan pendaftaran-pendaftaran di satu-satu kawasan itu ianya akan memberi kesenangan dan kemudahan untuk orang ramai membuat pendaftaran kelahiran dan kematian.

Di samping itu, pindaan-pindaan itu juga bertujuan melicinkan dan mengemaskan lagi sistem pendaftaran beranak dan mati yang dijalankan di Ibu Pejabat, Petaling Jaya

dan di peringkat pejabat-pejabat kumpulan negeri. Dengan ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah seperti berikut:

Fasal 3 bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar Besar melantik Pendaftar-pendaftar daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam dan juga daripada khalayak bukan pegawai Perkhidmatan Awam.

Fasal 4 bertujuan menyusun semua daftar yang telah rosak atau cacat dimicro-filemkan.

Fasal 5 bertujuan membenarkan pendaftaran semula rekod-rekod yang telah hilang.

Fasal 6 bertujuan memasukkan nama keluarga (sch) bagi anak yang dilahir di luar nikah.

Fasal 7 bertujuan menghadkan kuasa penguasa Pendaftar di Pejabat Kumpulan mengenai kemasukan nama dalam daftar beranak selepas satu tahun dari tarikh kelahiran. Kuasa ini dipindahkan kepada Pendaftar Besar untuk mengawasi salah guna.

Fasal 8, 11 dan 16 bertujuan mendaftarkan kelahiran yang berlaku dalam kapal-terbang.

Fasal 9 bertujuan mengetatkan peraturan mengenai pindaan-pindaan membuat butir-butir di dalam surat beranak dan memberi kuasa kepada Pendaftar Besar untuk menggunakan budi-bicaranya bagi menimbangkan permohonan itu.

Fasal 10 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pendaftar Besar untuk menolak mengeluarkan surat beranak kepada mereka yang difikirkan tidak berhak memilikinya.

Fasal 12 bertujuan menambah denda daripada \$100 kepada \$250 atas kesalahan-kesalahan memberi keterangan palsu berkaitan dengan kelahiran.

Fasal 13 bertujuan menambah jenis-jenis kesalahan di bawah Ordinan ini dengan mengadakan penalti-penalti untuknya dan juga menambah denda sebanyak \$500 sekarang ini kepada \$2,000.

Fasal 14 bertujuan menganggap semua pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Ordinan ini sebagai Pegawai Awam seperti di bawah Kanun Kesiksaan.

Fasal 15 bertujuan memberi kuasa kepada pegawai-pegawai Jabatan ini untuk menjalankan dakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan ini dan juga memberi kuasa kepada Pendaftar Besar untuk menjalankan penyiasatan bagi maksud menjalankan peruntukan-peruntukan Ordinan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.30 ptg.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini, khasnya beberapa pindaan yang diminta oleh Menteri yang berkenaan atau Kerajaan. Apa yang saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan ialah beberapa perkara dengan ringkasnya.

Di dalam muka surat 3, Fasal 5, kita sedar bahawa di dalam zaman Jepun ada beribu-ribu kanak-kanak lahir dan kelahirannya semua didaftarkan, tetapi malangnya rekod itu semuanya sudah hilang, terbakar dan sebagainya. Apabila anak itu memohon kad pengenalan atau memohon kerakyatan, malangnya oleh sebab mereka tidak ada surat beranak, Kerajaan kata, "Oh! awak beranak di Tionghua", atau kalau Ramaswamy—"Awak beranak di Madras". Ini bermakna semua anak-anak ini dilahirkan di luar negeri dan kalau mereka hendak memohon kerakyatan mereka mesti memohon di bawah Borang G—orang yang dilahirkan di luar negeri dan datang ke tanah-air kita.

Apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, kalau mereka boleh membuktikan mereka ada mendaftarkan kelahirannya, tetapi malangnya tiada rekod, tetapi ada bukti, misalnya, kalau seorang berkata, "saya lahir pada tahun 1942," dan pada tahun 1948 beliau pergi ke sekolah dan ada

surat daripada guru besar. Ini boleh membuktikan pada tahun 1948 mereka ada di tanahair kita dan oleh sebab itu diharaplah di bawah pindaan ini mereka boleh diberi surat beranak baharu.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this is very important because, again I reiterate, the records were lost through no fault of the person concerned. Either the mother or father has lost it and both parents may be dead by now and the Registrar of Births has no record. It is assumed that the person is not born in this country; he is born in China or born in India and therefore he has to be a naturalised subject whereas if he has a birth certificate then the picture is radically changed. I do hope, Mr Speaker, Sir, that the Registrar of Births now with this new subsection 4 (a) will be able to sympathetically consider applications for a late registration, for example.

Now, on this new Section 13 (a), I am sure the Honourable Deputy Minister must have come across ten birth certificates, with the same father and with the same mother, but you know in one birth certificate the father's name may be "Tan Chee Khoon" and in another "Chan Chee Kwan" because it was written by a Cantonese; then it is "Chin Chee Khoon" written by a Hakka and if it is written by a Malay constable, God only knows what he writes because normally the parents are illiterate and they do not know what is written there when they go and give the particulars. It is a document from the Government, they do not know what is written is correct or not and I have seen, Mr Speaker, twelve birth certificates with 12 different names of the father and mother. Somewhere along the line they coincide a little.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat kata namanya ditulis dalam rumi?

Dr Tan Chee Khoon: Tulisan rumi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lain ejaannya?

Dr Tan Chee Khoon: Lain ejaannya. So, apart from this one, I hope the Registrars of Births who are very much aware of the difficulties concerned, would try to untangle this multiplicity of spelling of the names. I have known of families who have taken two

to three years and still have not been successful. They go to lawyers, they come to a doctor like me and I really do not know how to untangle these things but if you have a sympathetic Registrar of Births and he says "All right, let us take what do you say is your name now and start from there and then go on unravelling the differences," then I do hope that it will make it very much easier for the person concerned to try and put the record straight because if you have a citizenship paper for example and you ask for a passport they look at these things and say "your names are all different". So, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Pendaftar Besar atau Pendaftar di mana-mana pun kalau sekiranya ada timbul masalah ini boleh menolong sesiapa pun yang berkehendakkan pertolongan daripada Pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Fasal 7 menyatakan:

"(1) Where before the expiration of one year from the date of birth of any child the name by which it is registered is altered or where a child has been registered without a name, a name is given to such child before twelve months have elapsed since the date of birth, the Superintendent-Registrar"

This is a very common practice, Mr Speaker, Sir. I have seen lots of birth certificates where the name is blank and that is very simple. In my own practice, Mr Speaker, Sir, we have a maternity home and we have a form which is exactly like the birth certificate and we write all the details very carefully and we check it with the mother but the mother says: "Please don't write the name of the child. I have to consult my husband on that". The husband may be out in the sea. They may live in Pulau Ketam and the husband may be out in the sea and by the time he comes back they have forgotten all about it and then years later they say: "Doctor my child was born here". Then we see from our record that the name is missing. Now this is important because, as I said, lots of people through ignorance or otherwise leave the names blank, and I see there is now a procedure for them to be registered.

I now come, Mr Speaker, Sir, to the question of late registration. I would reiterate, again drawing from my own practice, from time to time I am asked to certify the birth of a person. Again I reiterate

when a child is born in our nursing home we fill up all the particulars concerned, including the name but unfortunately the mother forgets or even the father thinks it is not an important thing to register the birth of the child and five or six years later when they want to go to school and the headmaster says or the Education Department says: "Look, let us have a look at your Surat Beranak" and they say: "My God, the child has no Surat Beranak", or I have known of cases where lots of these children do not go to schools and when they are about 12 years old then they have to take their identity cards. Then they come to see chaps like me to help them get a late registration. I do hope that under these amendments if there are responsible persons who can vouch for the birth of the child concerned then the Registrar of Births will give sympathetic consideration and register the birth of the child even though it may be so late. We must remember that in all these cases it is the poor and the ignorant who are guilty of such offences. The man who has a Mercedes Benz, who is a lawyer, doesn't make such mistakes, but it is the poor and the ignorant who are guilty and make such mistakes and I think they should not be penalised too much by the law.

5.40 p.m.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan). Bil ini telah menimbangkan beberapa kesulitan yang pada masa ini dihadapi oleh pihak yang berkuasa (Pendaftar Besar) dan mencadangkan langkah-langkah diambil untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang berkenaan.

Seksyen 2 (d) bagi pindaan yang tersebut adalah satu langkah yang lain untuk menjaga rekod-rekod Kerajaan dalam keadaan yang betul dan sesuai. Usaha memperkenalkan microfilm on computer tape untuk menjaga rekod-rekod adalah membuktikan satu kemajuan dalam sistem penyimpanan rekod-rekod Kerajaan.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I hope that the introduction of this Bill will untie the knots and the complications that exist in the Registration Department now. It is with regret that I wish to record here that many local born persons, missing their records temporarily in certain circumstances,

are unable to trace them. The Records Search Section of the Registration Department is another specimen to be commented for their inefficiency. Many records of births, especially those of residents of kampungs and estates, are untraceable due to the inefficiency of the Department's staff. In certain circumstances, Tuan Yang di-Pertua, I have seen myself that a record which has been mislaid was not able to be traced for six months. After going round the Registration Department for five or six times the person concerned has been continuously told, "Awak bukan beranak sini". And at last, God willing, one day the record was found. The person affected took the record to the Registration Department to get it renewed with a new certificate and told the Registration Department that this has happened. The only answer he got was "Sudah dapat sudahlah". This is what is happening today, Sir.

I wish to make some comments on Section 3 of the Bill, that is, (1B), which empowers the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong to appoint a public officer to be Assistant Registrar-General, which is appreciated. I hope at least with the appointment of the Assistant Registrar-General, the Department could function more effectively. At this juncture, Mr Speaker, Sir, I would like to suggest that officers appointed in public departments of this nature should possess a good quality of human relationship which is lacking in many of the departments as we have seen now. People who are going to such departments are ordinary, illiterate kampung and estate people, not those middle class people who stay in towns. The middle class people are mostly educated, they are not so illiterate and they know the technique of maintaining and keeping their records. But the poor and the ordinary masses from the kampungs and estates without much means to protect their records lose them in certain circumstances. And it is very difficult to get back a record which has been lost. One other important point that the Registration Department must learn to understand is the pain of the ordinary man. For a record which can be traced within 10 or 5 minutes, people are asked to come back again "Mari esok, mari lusa, mari lain bulan" and this continues for six months, seven months and sometimes nine months.

In the present circumstances, at the present rate of inflation in this country, can they afford to go by bus every time or get a taxi from Sungei Siput right up to Ipoh every day? Can an ordinary man afford this? Money is one thing which is very difficult to find nowadays. A little money which is found by working in estates, working in kampungs, selling small-holders rubber, has been wasted in looking for records. I would request the Ministry to exercise proper care and also to direct officials to untie matters or to settle the matters which can be settled within minutes and not wait for it to take its time.

Government officers, Mr Speaker Sir, must understand the pain of the ordinary people. More officials should be appointed to look after Government jobs. In many cases such as the Registration Department, I have seen mounds of files lying in front of an official; he has not got the time to look into the files, especially in the Registration of Births and Deaths Department, and he has not the time to even look at the public when they visit. Sometimes in the Registration Department when you visit, you are treated like an unwanted person; nobody even cares to look at you; and even if you go and call them "Encik", "Tuan", or in whatever possible capacities you could call them, they will say "Tunggu, sekarang tidak ada senang". I think this sort of attitude must be removed, and officers of such character must be removed from the department, not only from the department but from the Government Service itself. Then only we can give a real, true and efficient service to the ordinary masses who have elected us.

